

SAINS TEKNOLOGI: KEHEBATAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW & ERA KHULAFĀ' AR-RASYIDIN

**NURUL ASMA EFFENDI
MAZLINA OMAR
FADZILAH ABD RAHMAN**

SAINS TEKNOLOGI:
KEHEBATAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW &
ERA KHULAFĀ' AR-RASYIDIN

**NURUL ASMA EFFENDI
MAZLINA OMAR
FADZILAH ABD RAHMAN**

Penasihat

Izzat Amin bin Mohd Nasir

Wan Nor Hasnah binti Wan Yunus

Editor

Mazlina binti Omar

Penulis

Nurul Asma binti Effendi

Mazlina binti Omar

Fadzilah binti Abd Rahman

Konsep dan Susun Atur E-buku

Nurul Asma binti Effendi

Terbitan Edisi 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

e ISBN 978-967-2740-56-8

Diterbitkan oleh:

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Kulim Hi-Tech Park

09090 Kulim

Kedah

Sains Teknologi : Kehebatan Pada Zaman Rasulullah SAW & Era Khulafa' Ar-Rasyidin



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan Rabbul Izzah.

Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur, ya Rahim atas izin-Nya kami dapat menerbitkan e-Buku yang kedua buat rujukan pelajar. Setinggi penghargaan buat Ketua Jabatan & Ketua Unit yang memberi galakan dalam menghasilkan e-Buku ini.

Juga sekalung kasih buat ibu, ayah, suami tersayang atas sokongan dan dokongan dalam menerbitkan e-Buku ini. Juga tidak dilupakan buat ahli kumpulan bersama yang saling memberikan galakan dan semangat untuk menyiapkan penulisan e-Buku ini.

Insyaallah, semoga dengan wujudnya e-Buku ini ia menjadi nota ilmu buat generasi akan datang agar terus celik akal dan mengagumi sejarah seterusnya berbangga dengan pencapaian ketamadunan Islam itu.

“Jadilah insan yang sentiasa menyintai ilmu kelak akan terlepas dari belenggu kebuntuuan”.

Percayakah anda bahawa kecanggihan teknologi hari ini hakikatnya telah bermula semenjak zaman era para anbiya'. Kita sering dimomokkan zaman dahulu kala merupakan zaman yang terkebelakang tiada kemajuan dan menapak kemunduran. Namun apabila ditelusuri sejarah ketamadunan tersebut ternyata ia sama sekali amat memerlukatkan.

Karya ini dihasilkan dengan niat untuk mendedahkan kepada pembaca tentang hakikat kemajuan teknologi Zaman Rasulullah SAW dan Zaman Khulafa' ar-Rasyidin. Satu kesedaran tentang hakikat keilmuan akan merubah landskap cara pandang seseorang insan.

Ayuh, bersama kita menyelusuri kemajuan teknologi zaman tersebut agar menjadi insan yang celik ilmu dan mencetuskan idea kepada revolusi kemajuan negara. E-Buku ini terbahagi kepada 5 topik utama iaitu berkaitan Teknologi Sains Zaman Rasulullah SAW, Sumbangan Sains Teknologi Zaman Saidina Abu Bakar RA, Saidina Umar al-Khatab RA, Saidina Uthman Bin Affan RA & Saidina Ali Bin Abi Talib RA. E-Buku ini juga turut diselitkan dengan pelbagai info menarik seperti biodata tokoh, video sisipan, latihan dan info.

"Selamat Membaca"

ISI KANDUNGAN



Sains Teknologi Zaman Rasulullah SAW 02

Biodata, Infografik, Nota, Info & QR Code, Latihan Pengukuhan.

Sains Teknologi Zaman Abu Bakar RA 19

Biodata, Infografik, Nota, Info & QR Code, Latihan Pengukuhan.

Sains Teknologi Zaman Umar RA 34

Biodata, Infografik, Nota, Info & QR Code, Latihan Pengukuhan.

Sains Teknologi Zaman Uthman RA 52

Biodata, Infografik, Nota, Info & QR Code, Latihan Pengukuhan.

Sains Teknologi Zaman Ali RA 69

Biodata, Infografik, Nota, Info & QR Code, Latihan Pengukuhan.


Kesimpulan 88

Rujukan 89



"Dan berkata Fir'aun: "Hai pembesar kaumku, aku tidak mengetahui tuhan bagimu selain aku. Maka bakarlah hai Haman untukku tanah liat kemudian buatkanlah untukku bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa, dan sesungguhnya aku benar-benar yakin bahwa dia termasuk orang-orang pendusta."

- Surah Al-Qashash : ayat 38 -





TOPIK 1

SAINS TEKNOLOGI ZAMAN RASULULLAH SAW



MUHAMMAD BIN ABDULLAH

RASULULLAH SAW
(UTUSAN YANG TERAKHIR)



LATAR BELAKANG

20 APRIL 571M

Rasulullah SAW dilahirkan

Subuh Isnin 9 Rabiulawwal (dikenali sebagai Tahun Gajah, sempena peristiwa tentera bergajah Abrahah yang menyerang Kota Kaabah) di Makkah

08 JUN 632 M

Rasulullah SAW wafat

Kewafatan Rasullullah SAW di Madinah Munawwarah pada hari Isnin, 12 Rabiul Awwal 11 Hijrah

24 SEPT 622 M

Rasulullah SAW Berhijrah ke Madinah

Ditemani oleh Abu Bakar As-Siddiq, rombongan tiba pada tanggal 12 Rabiul Awwal 01 Hijrah



PENGALAMAN

• USIA 35 TAHUN

Meletakkan Hajarul Aswad

ke tempat asal selepas peristiwa banjir besar yang melanda Makkah

• USIA 40 TAHUN

Menerima wahyu di Gua Hira'

sebagai pelantikan menjadi Nabi dan Rasul akhir zaman.

• USIA 25 TAHUN

Berniaga di Syam

Khadijah RA menawarkan hartanya kepada Nabi untuk diniagakan di negeri Syam

• USIA 5 TAHUN

Pembelahan Dada

Peristiwa pembelahan dada Rasulullah SAW yang dilakukan oleh dua malaikat

ABOUT ME



ADDRESS

Di sisi Allah



SELAWAT

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ



GELARAN

al-Amin (الأمين) yang bermaksud 'yang terpuji'.

PRO SKILLS

ROLE MODEL dalam meniti kehidupan duniawi

Sumbangan

SAINS TEKNOLOGI

- Pembinaan semula Kaabah
- Pakaian Ihram

Qubba
(Khemah bulat khas)

- Masjid Quba'
- Masjid Nabawi
- Masjid Dhirar

- Nilai Mata Wang Dinar/ Dirham
- Cop Mohor

Suffa
(tempat tinggal orang fakir miskin)

- Baju Besi
- Tombak
- Pedang
- Anak panah

- Cangkul
- Bekas pengangkat tanah
- Parit & Benteng


- Gendang
- Tamborin
- Khemah

Alat Pertukangan Emas

PEMBINAAN SEMULA KAABAH

Hal ini kerana berlaku keruntuhan pada strukturnya. Kaabah ini sebenarnya satu bangunan tinggi sembilan hasta, sejak zaman Nabi Ismail AS tidak berbumbung, pencuri-pencuri telah melarikan harta khazanah di dalamnya. Kaabah telah beberapa kali mengalami kerosakan kerana bangunannya terlalu usang, dindingnya sering retak dan pecah. Lima tahun sebelum kebangkitan Rasulullah SAW, banjir besar melanda Makkah, airnya yang mengalir deras menuju ke Kaabah dan hampir merobohkan bangunan kaabah itu.

Kaum Quraisy akhirnya berjaya menyempurnakan pembinaan Kaabah yang tingginya 18 hasta, pintunya terletak tinggi sedikit daripada tanah untuk membolehkan orang masuk ke dalamnya dan mencegah orang yang tidak dibenarkan masuk. Di bahagian dalam Kaabah itu ada enam batang tiang yang dibuat dalam dua baris untuk menahan bahagian siling. Di sebelah rukun Syami atau bahagian utaranya dibina pula tangga sehingga sampai ke atap.



ALAT PERTUKANGAN EMAS



Kepungan terhadap Banu Qaynuqa' selama 15 hari berturut-turut akhirnya memaksa kaum Yahudi untuk menyerahkan diri dan membiarkan Rasulullah SAW menentukan hukuman. Mereka telah diusir dari Madinah akibat dari perbuatan mereka sendiri (mengingkari perjanjian damai). Ubadah mengarahkan mereka supaya menyerahkan semua senjata mereka dan alat-alat pertukangan emas dan mereka pun meninggalkan Madinah. Mereka menuju ke Wadi al-Qura' dan tinggal sementara waktu sebelum bertolak ke utara sehingga mereka sampai ke Adhri'at yang berdekatan dengan Syam. Mereka pergi ke tempat ini kerana berkemungkinan mereka ingin tinggal dekat dengan 'Tanah yang dijanjikan' (Palestine) yang menjadi tarikan kepada golongan Yahudi sehingga ke hari ini.

PEMBINAAN MASJID QUBA'

Rasulullah SAW mengasaskan masjid Quba' yang disifatkan oleh Allah sebagai masjid yang dibina atas dasar taqwa. Binaannya telah disempurnakan oleh **Ammar bin Yasir**. Beliau mengumpulkan batu untuk membinanya selepas mendapat pandangan daripada Rasulullah SAW. Masjid-masjid yang dibina pada zaman Rasulullah SAW adalah cukup mudah. Sedikitpun tidak sama dengan masjid yang dibina pada kurun-kurun selepas itu. Apa yang penting ialah memperhiasi dan membersihkan hati mereka daripada godaan syaitan. Dinding masjid yang dibina tidak melebihi ketinggian manusia dan atapnya hanyalah yang dapat dibuat berteduh daripada panas mentari.



PAKAIAN IHRAM

Bulan Zulkaedah dianggap sebagai salah satu lagi bulan suci. Rasulullah SAW mengumumkan kepada semua orang supaya berangkat menunaikan ibadah haji. Mereka berangkat bersama-sama kaum Muhajirin dan Ansar serta beberapa qabilah. Rombongan ini didahului oleh nabi dengan menunggang unta baginda, al-Qaswa. Jumlah mereka pada ketika itu seramai 1,400 orang. Nabi Muhammad SAW membawa bersama-sama 70 ekor unta untuk dikorbankan dan memakai pakaian ihram supaya orang mengetahui bahawa maksud baginda datang bukannya untuk berperang melainkan berziarah serta melakukan kewajiban di Baitullah. Tidak ada seorang pun ahli rombongan yang membawa senjata melainkan pedang yang bersarung untuk setiap perjalanan.




PEMBINAAN MASJID NABAWI

Syeikh Mustafa al-Siba'ie menyebut: Apabila sampai di sana, tindakan pertama yang dilakukan ialah memilih tempat unta Baginda berhenti duduk, untuk dijadikan sebagai masjid. Tempat tersebut adalah milik dua orang kanak-kanak Ansar yang yatim. Baginda tawar menawar harga tanah tersebut dengan mereka berdua. Kedua kanak-kanak itu berkata: "Kami berikannya kepada kamu, wahai Rasulullah." Namun Baginda berkeras untuk membelinya dengan harga 10 dinar emas yang dibayar menggunakan harta Abu Bakar RA. Kemudian Baginda melakukan kempen agar orang Islam turut serta membina masjid. Mereka segera melakukannya. Rasulullah SAW turut terlibat bersama mereka memindahkan batu bata, sehingga sempurna pembinaan masjid tersebut.

Tiang mihrab dibina dari susunan batu-batu dan temboknya dari bata-bata dan tanah. Manakala bumbung masjid adalah daripada pelepas tamar. Tiang daripada batang tamar dan lantainya diratakan dengan anak-anak batu dan pasir dengan tiga pintu masuk. Ukuran panjang tidak termasuk mihrab adalah seratus hasta dengan lebar yang lebih kurang sama dengan panjangnya. Di tepi masjid, dibina ruang-ruang rumah. Biliknya dibina dari batu-bata dan atapnya daripada pelepas dan batang tamar. Ruang-ruang ini adalah bilik isteri-isteri Rasulullah SAW. Setelah selesai pembinaan bilik tersebut, barulah Baginda berpindah dari rumah Abu Ayyub.

PEMBINAAN QUBBA

Bunu Thaqif telah mendirikan sebuah qubba (sebuah khemah bulat khas) di sebelah masjid. Mereka mendirikan khemah ini kerana mahu berhati-hati dengan tindak tanduk orang Islam. Dalam tawaran mereka dengan Rasulullah SAW mereka meletakkan syarat agar berhala al-Lata diberi tempoh 3 tahun sebelum dimusnahkan jika mahu mereka memeluk Islam dan mereka dibebaskan daripada kewajipan solat. Namun semuanya ditolak kerana mana mungkin seorang Nabi berkompromi dalam hal-hal yang mensyirikkan Allah. Akhirnya pihak Thaqif tidak lagi mempertahankan al-Lata. Mereka akhirnya memeluk Islam dan menerima solat sebagai satu kewajiban.



PROJEK PEMBINAAN PARIT

TOMBAK

Peperangan Khandak (parit) berlaku pada bulan Syawal tahun 5 hijrah. Dinamakan Khandak disebabkan parit yang digali hasil cadangan **Salman al-Farisi** berdasarkan kebiasaan yang dilakukan oleh orang-orang Parsi ketika menghadapi peperangan. Juga dinamakan peperangan Ahzab (tentera bersekutu) kerana musuh telah bersatu untuk memerangi muslimin.

Projek pembinaan parit tersebut dilakukan di kawasan utara Madinah bermula daripada kawasan berbatu hitam sebelah barat. Bahagian ini merupakan kawasan yang menjadikan Madinah mudah diserang sebelum ini. Manakala bahagian lain, ia dipenuhi dengan rumah-rumah dan pokok-pokok kurma yang tidak memungkinkan pihak musuh melakukan serangan dari arah tersebut.

Cadangan ini telah segera dilaksanakan oleh kaum muslimin. Rasulullah SAW juga turut menggunakan tangannya sendiri untuk menggali. Baginda turut mengangkat tanah dan terus menerus membina semangat dengan menganjurkan kepada kaum muslimin supaya terus melipat gandakan usaha. Pihak muslimin sudah membawa alat-alat yang diperlukan seperti cangkul dan bekas pengangkat tanah. Penggalian parit itu selesai dalam 6 hari.

Sedutan dari kisah dakwah yang berlaku di antara Mus'ab dan Usayd ketika tersebarnya Islam di Yathrib.

Mus'ab berkata "Duduklah dan dengarkanlah apa yang kami akan katakan. Sekiranya kamu mendengar perkara yang berfaedah, maka terimalah. Sekiranya kamu mendengar perkara yang tidak baik, kamu boleh menghentikannya." Usayd menjawab "Awak seorang yang adil". Dia mencucuk tombaknya ke tanah lalu duduk mendengar dakwah yang disampaikan oleh Mus'ab. Tidak lama selepas itu, Usayd pun memeluk Islam.

Tahukah anda bahawa Rasulullah SAW pernah menghantar utusan dua orang sahabat , Urwah bin Masud dan Ghailan bin Salamah ke Jarashy, Damshik (di bawah kuasa Rom) bagi mempelajari cara membuat Manjanik dan Dabbabah (kereta perisai). Hal ini kerana peralatan tentera yang lebih canggih pada masa itu dimiliki oleh Rom dan Parsi (kuasa besar).



PERISTIWA PERANG UHUD (KELENGKAPAN ALATAN PERANG)

Baginda SAW masuk ke rumahnya dan memakai kelengkapan perang. Baginda muncul dengan memakai dua helai **baju besi**, menyandang **pedang** dan menggantungkan **busar** di belakangnya.

Pasukan kaum Muslimin sampai ke Uhud pada waktu pagi. Mereka bergerak merentas lembah dan mendaki bukit pasir. Rasulullah SAW mengarahkan sahabatnya berada dalam beberapa barisan dan menempatkan 50 orang pemanah di lereng bukit. Baginda mengarahkan pemanah-pemanah supaya tidak berganjak dari situ walau apa pun yang berlaku . Sekiranya askar berkuda musuh mula menyerang, adalah menjadi tugas pemanah untuk menyerang mereka.

Pihak Quraisy juga mengarahkan tenteranya supaya dalam barisan. Khalid al-Walid berada di sebelah sayap kanan dan Ikrimah bin Abu Jahl di sebelah sayap kiri. Mereka memberi arahan kepada Abd al-Uzza Talhah bin Abu Tallish. Kaum wanita mereka sentiasa bergerak ke depan dan ke belakang memukul **gendang** dan **tamborin** dan mereka diketuai oleh Hindun.

PERISTIWA PERANG KHANDAK (ALAT MEMANAH)

Orang-orang musyrikin terkejut dengan benteng parit yang tidak pernah dikenali orang-orang Arab sebelum ini. Mereka berbalas-balas panahan dengan tentera Muslimin.

Apabila peperangan panah berpanjangan sekumpulan tentera berkuda musyrikin memaksa diri untuk merempuh benteng parit. Di antara mereka ialah Ikrimah bin Abu Jahal, Amru bin Abdul Wadd dan lain-lain. Ali telah menghadapi Amru bin Abdul Wadd dan berjaya membunuhnya dan kawan-kawannya yang lain melarikan diri.



HARTA GHANIMAH DARI PERANG KHANDAK

Bani Quraizhoh merupakan kelompok yang telah mengkhianati Allah dan Rasul dengan memihak kepada pihak musuh ketika perang Khandak berlaku. Akhirnya mereka semua telah dikenakan hukuman di mana lelaki akan dibunuh, perempuan dan anak-anak mereka ditawan dan harta mereka dijadikan harta ghanimah.

Kemudian Baginda SAW mengarahkan supaya hukuman tersebut dilaksanakan dan harta benda mereka dikumpulkan. Muslimin berjaya mengumpul 1,500 bilah pedang, 300 helai baju besi, 2,000 tombak dan 500 buah perisai. Mereka juga memperoleh banyak perabot, bekas-bekas air dan unta pengangkut air dan kambing.



PEMBINAAN SUFFA

Terdapat segolongan orang-orang Arab yang datang ke Madinah setelah menyatakan keislaman mereka berada dalam kekurangan malah ada di antara mereka yang tidak mempunyai tempat tinggal. Nabi Muhammad SAW menyediakan untuk mereka **tempat di serambi masjid** iaitu suffa (bahagian masjid yang beratap) sebagai tempat tinggal mereka. Rentetan daripada itu, mereka dikenali sebagai *ahl suffa* (penghuni suffa). Perbelanjaan mereka diberikan daripada harta kaum muslimin baik daripada kalangan Muhajirin maupun Ansar yang berkemampuan.

Tahukah anda, Rasulullah SAW pernah mewariskan pedang Zulfikar kepada Saidina Ali bin Abi Talib RA kerana pedang miliknya patah ketika bertempur di medan perang.

Terdapat ukiran berbahasa Arab di pedang ini yang berbunyi, "la fata 'illa 'Ali; la sayf 'illa Dza I-Fiqar", yang berarti tidak ada pemuda selain Ali dan tidak ada pedang selain Zulfikar

DINAR DAN DIRHAM



Rasulullah SAW meneruskan penggunaan nilai mata wang dari Rom (dinar) dan Parsi (dirham) ketika di Makkah dan setelah pembukaan kota Madinah.

Ketika itu terdapat 3 bentuk ukuran dirham (20 qirath, 12 qirath dan 10 qirath). Disebabkan tidak sama maka Rasulullah telah menetapkan Dirham Islam menjadi 14 qirath dengan mengambil 1/3 dari semua dirham yang sedia ada.

$$20+12+10=42 \text{ qirath} / 3 = 14 \text{ qirath}$$

Untuk dinar pula 10 dirham bersamaan 7 mithqal emas (1 mithqal bersamaan 72 biji gandum)

Penyelarasan timbangan berat dirham dan dinar merupakan sumbangan Rasulullah SAW dalam pembentukan mata wang Islam ke tamadun seterusnya.

COP MOHOR RASULULLAH SAW

Selepas pulang dari Hudaibiah pada akhir tahun enam Hijrah dan jaminan keamanan telah diberikan oleh Quraisy, Rasulullah SAW mula menulis surat kepada para raja negeri menyeru mereka supaya memeluk Islam. Baginda membuat cop daripada perak. Dengannya Baginda mengakhiri suratnya. Cop tersebut tertulis **Muhammad Rasulullah**.



PEMBINAAN MASJID DHIRAR

Pembangunan masjid ini dipelopori oleh **Abu Amir** (seorang munafiq). Masjid tersebut bernama Masjid Adh-Dhirar (masjid yang membawa kemudharatan) . Di masjid inilah orang-orang munafik sering berkumpul. Ia dibina untuk menyaangi masjid Quba'. Ketika masjid ini siap dibina Allah telah melarang Nabi SAW untuk solat di masjid tersebut. Berfirman Allah dalam surah at-Taubah ayat 107-108 :

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيًقا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ صَادَ لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلٍ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْتَ إِلَّا الْحُسْنَى وَاللَّهُ يَشَهِدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ١٠٧

Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam) dan (menguatkan) keingkaran (mereka sendiri) serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman dan juga untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sebelum itu. Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara), mereka akan bersumpah dengan berkata:" Tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata ". Padahal Allah menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta.

لَا تَقْمِ فِيهِ أَئِدِيَ لَمَسْجِدٌ أُسْسَى عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوْلِ يَوْمٍ حَقٌّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ رِجَالٌ يُجْنِونَ أَنْ يَتَظَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُظَاهِرِينَ ١٠٨

Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Lalu Nabi memerintahkan sahabatnya untuk meruntuhkan masjid tersebut. Hal ini kerana tujuan masjid ini dibina adalah sebagai propaganda untuk memecahbelahkan umat Islam. Ia bukan dibina atas dasar taqwa seperti Masjid Quba'.



PERUBATAN

Rasulullah SAW merupakan pengasas kepada ilmu perubatan. Kaedah pengubatan Rasulullah SAW adalah menggunakan herba atau bahan semula jadi dan terapi spiritual. Penggunaan doa-doa daripada al-Quran serta ijтиhad Baginda SAW merupakan antara asas dalam rawatan selain penggunaan bahan-bahan yang halal dan tidak terkeluar daripada prinsip syariat. Rasulullah SAW sebagai pembawa risalah Islam telah memberi tunjuk ajar kepada umat Islam mengenai kaedah menjaga kesihatan dan merawat penyakit rohani dan jasmani. Kaedah ini dikenali dengan istilah ilmu rawatan Nabi atau al-Tibb al-Nabawi.


Islam menggalakkan umatnya untuk menjaga kesihatan badan daripada terkena penyakit. Rawatan Islam merupakan salah satu di antara media dakwah yang amat berkesan. Keberkesanan dakwah ini berlaku kerana setiap pesakit atau ahli keluarga pesakit akan mendengar dengan baik nasihat yang diberikan oleh seorang perawat berkenaan akidah dan amalan ibadah harian.

Daripada Abi Darda' RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدُّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوِوا وَلَا تَدَاوِوا بِحَرَامٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram." [Riwayat Abu Daud (3874)][Syeikh Syu'aib al-Arna'outh meniali hadith ini sebagai sahih li ghairihi]

"Dari Jabir bin Abdullah Radiyallahu Anhuma, beliau berkata: aku mendengar Nabi SAW berkata: Jika ada kebaikan di dalam sesuatu yang menjadi ubat kepada kamu, maka ia adalah berbekam, meminum madu dan menyelar besi panas mengenai (tempat) penyakit dan aku tidaklah menyukai penggunaan besi panas".





Saidina Abu Bakar RA melaporkan,
Rasulullah SAW menyatakan,
"Jadilah kamu seorang yang alim,
orang yang belajar ilmu agama,
orang yang gemar mendengar
pengajian agama dengan teliti,
ataupun menjadi orang yang
mencintai ilmu dan ahli ilmu.
Jangan kamu menjadi orang kelima,
yang mana kamu akan binasa.
Kelima, adalah kamu membenci
ilmu dan ahli ilmu."

Direkodkan oleh Imam At-Tabrani



JOM
LATIHAN

1. Isi ruang kosong dengan jawapan yang sesuai

Skop

Sumbangan/ Teknologi

Ketenteraan

Bangunan

Pentadbiran

Ekonomi

Pakaian

2. Jom cari jawapan yang tersembunyi

TEKNOLOGI ZAMAN RASULULLAH SAW

W	Y	L	P	E	D	A	N	G	Y	P	J	M	Y
T	I	K	D	E	A	B	B	U	Q	H	Q	X	Q
P	Y	W	Q	J	R	O	H	O	M	P	O	C	K
H	I	K	A	B	M	O	T	O	O	J	B	C	D
H	I	M	S	W	G	E	N	D	A	N	G	J	U
T	H	S	J	K	J	J	L	Z	J	X	U	D	K
T	R	P	M	P	L	Q	S	D	G	L	K	Q	V
Z	A	T	Z	J	K	R	R	Y	Y	Z	D	K	F
U	M	J	T	A	B	U	Q	D	I	J	S	A	M
I	M	A	S	J	I	D	D	H	I	R	A	R	B
R	J	H	A	N	A	P	K	A	N	A	F	F	M
M	A	S	J	I	D	N	A	B	A	W	I	E	T
G	P	O	K	V	F	S	U	F	F	A	C	L	K
B	A	J	U	B	E	S	I	U	E	G	C	V	K


GENDANG	MASJIDNABAWI	PEDANG	BAJUBESI	COPMOHOR	SUFFA
MASJIDDHIRAR	IHRAM	ANAKPANAH	MASJIDQUBA	QUBBA	
		TOMBAK			

<https://puzzel.org/en/wordseeker/play?p=-NatVmniSsYt-HeiLLOz>



**"Dan ingatlah olehmu di waktu Tuhan
menjadikan kamu penganti-pengganti
(yang berkuasa) sesudah kaum 'Aad dan
memberikan tempat bagimu di bumi.
Kamu dirikan istana-istana di tanah-
tanahnya yang datar dan kamu pahat
gunung-gunungnya untuk dijadikan
rumah; maka ingatlah nikmat-nikmat
Allah dan janganlah kamu merajalela di
muka bumi membuat kerosakan."**

- Surah Al-A'raaf : ayat 74 -





TOPIK 2

SAINS TEKNOLOGI ZAMAN SAIDINA ABU BAKAR RA



ABU BAKAR AS-SIDDIQ

KHULAFĀ' AR-RASYIDIN PERTAMA
(632M - 634M)



LATAR BELAKANG

Pemimpin yang disegani

Sebelum memeluk Islam lagi beliau merupakan seorang yang pemimpin yang disegani dan dihormati kerana mempunyai akhlak yang mulia

Asal Keturunan

Berasal dari Bani Tamim, salah satu suku Quraisy dan nasabnya bertemu dengan Nabi Muhammad SAW sebelah datuknya yang keenam, iaitu Murrah bin Ka'ab.

Perbezaan umur dengan Rasulullah SAW

Usianya 2 tahun lebih muda daripada Nabi Muhammad SAW. Meninggal dunia ketika berusia 63 tahun. Beliau wafat pada hari Isnin 22 Jamadil Akhir tahun 13 hijrah. Jenazahnya disemadikan di sisi Rasulullah SAW dengan kepalanya berada pada arah rusuk Rasulullah SAW

KEISTIMEWAAN

- Bersifat zuhud
- Meneman Baginda sewaktu hijrah ketika berusia 51 tahun
- Mendapat kepercayaan Rasulullah SAW memimpin solat dan haji
- Mempunyai rasa ghirah (kecemburuan) terhadap agama bagi memelihara dan mempertahankan Islam
- Memahami cita rasa dan harapan Rasulullah SAW

ABOUT ME



NAMA SEBENAR

Abdullah bin Uthman (Abu Qahafah)
bin Amir al-Qurasyi al-Tamimi.



GELARAN

As-Siddiq kerana membenarkan segala kata-kata dan tingkahlaku Nabi Muhammad SAW (peristiwa Isra' Mikraj)



NAMA SANJUNGAN

Abu Bakar
(terawal memeluk Islam)



PEKERJAAN

Peniaga

Sumbangan

SAINS TEKNOLOGI

Sistem Gaji

Perintah
Jihad

Pelantikan
Amir

Pengumpulan
Mashaf al-Quran

Konsep Syura

Pemisahan
Kuasa

Strategi Perangi
Golongan
Murtad

Pengurusan
Kewangan

Institusi Mufti

DASAR DAN SISTEM PEMERINTAHAN

AL-QURAN DAN AL-HADIS SEBAGAI SUMBER TERTINGGI

Prinsip ini adalah ketetapan Allah SWT kepada Rasulullah SAW ketika meletakkan batu asas kepada pembentukan sebuah Negara Islam. Abu Bakar RA menegaskan perlunya asas perlembagaan Islam dengan menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber rujukan tertinggi. Syariat Allah SWT berdaulat mengatasi segala undang-undang yang lain, maka segala yang berlawanan dengannya terbatal.

SISTEM GAJI KEPADA TENTERA

Khalifah Abu Bakar RA juga memperkenalkan bayaran gaji kepada golongan tentera Islam. Gaji para tentera dibayar melalui harta rampasan perang atau ghanimah.

Selain itu, Khalifah juga mewujudkan undang-undang tanah seperti bayaran cukai al-Kharaj (cukai tanah) dan Jizyah (cukai perlindungan) bagi orang kafir.

Pada masa ini, diberikan juga perlindungan kepada golongan Mawali iaitu orang bukan Arab yang memeluk Islam. Mereka turut diberikan keistimewaan seperti kaum Arab Muslim, tetapi dikenakan cukai tambahan.

PENGUMPULAN MUSHAF AL-QURAN DAN HADIS

Khalifah Abu Bakar RA juga mengarahkan Zaid bin Thabit agar mengumpul dan menyusun semua naskah al-Quran yang selama ini ditulis di atas kulit binatang, batu dan sebagainya untuk disalin semula. Ini kerana selepas peperangan melawan golongan murtad, ramai penghafaz al-Quran yang terbunu.

Salinan tersebut telah disimpan oleh beliau sendiri dan diamanahkan kepada Saidina Umar bin al-Khattab, Saidatina Hafsa (isteri kepada Nabi Muhammad SAW) dan Saidina Uthman bin Affan.

Contoh terbaik adalah pengumpulan naskah al-Quran dan membukukan himpunan hadis Rasulullah SAW. Semoga kita sebagai umat Islam tidak sesekali lupa dan sentiasa menghargai segala jasa dan sumbangan beliau terhadap agama murni ini.



STRATEGI MEMERANGI GOLONGAN MURTAD

Khalifah Abu Bakar RA menyusun strategi yang berkesan bagi memerangi golongan murtad. Beliau mengeluarkan idea dalam menyusun gerakan bersepada dalam memerangi golongan murtad termasuk serangan ke negara Oman, Bahrain dan Yaman.

Antara strategi :

- Melantik 11 panglima mengetuai bala tentera
- Melantik penghubung bagi memberi maklumat kepada semua pasukan
- Meletakkan panglima yang berpengalaman di kawasan sasaran
- Melancarkan serangan kilat bagi mencantas gerakan murtad yang berselerak
- Tidak memberi peluang kepada kuasa besar Rom dan Parsi untuk campur tangan

Pendekatan ini telah memberi kemenangan dan membangkitkan keberanian dan semangat berkobar-kobar umat Islam. Jelas Allah SWT memberikan pertolongan kepada agama-Nya, menjadikan umat Islam bertambah kuat dan bersedia untuk berkorban dengan apa sahaja bagi menegakkan Islam dan mempertahankannya.

MENUNAIKAN KEWAJIPAN JIHAD

Khalifah Abu Bakar RA menyatakan perintah wajib berjihad dan memberikan amaran jika terdapat mereka yang meninggalkannya. Jihad mempunyai dua maksud asas iaitu:

- Kesediaan untuk mengorbankan harta dan jiwa raga.
- Kesanggupan untuk menghadapi segala kepayahan dan kesulitan bagi menegakkan agama Islam.

PEMISAHAN KUASA ANTARA KEHAKIMAN DAN PENTADBIRAN

Berlaku konsep pemisahan kuasa di antara badan kehakiman dengan ketua negara dan pentadbiran. Sehingga prosesnya berlaku tanpa ada sebarang gangguan daripada mana-mana pihak. Ini memaparkan kebijaksanaan dan strategi yang dijalankan oleh Khalifah Abu Bakar RA.

Hal yang demikian bagi menjamin keadilan dan menolak sebarang punca yang akan menyebabkan berlaku kezaliman. Perjalanan mahkamah berlangsung di masjid dan tempat yang lain. Para hakim melaksanakan tugas dengan adab-adab yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW.

PEMBAHAGIAN WILAYAH

Keluasan negara Islam pada zaman Khalifah Abu Bakar RA merangkumi Semenanjung Tanah Arab. Khalifah Abu Bakar RA membahagikannya kepada beberapa wilayah dan setiap wilayah ini dilantik seorang ketua pentadbiran yang dinamakan Amir.


Amir berperanan sebagai seorang imam solat, hakim, pengurus kewangan, penjaga keamanan (polis) dan pemerintah tentera. Para Amir dibantu oleh orang-orang yang mahir dalam bidang masing-masing.

WILAYAH	AMIR (KETUA)
MADINAH	Umar bin al-Khattab- Kehakiman Abu Ubaidah RA - Kewangan Zaid bin Thabit RA - urusan kesetiausahaann Dibantu Uthman bin 'Affan RA & Ali bin Abi Talib
MAKKAH	'Attab bin Usaid RA
THAIF	Uthman bin Abu al-'As
SANA'A	Al-Muhajir bin Abi Umayyah
HADHRAMAUT	Ziyad bin Lubaid RA
KHAWLAN	Ya'la bin Umayyah
ZUBAID & ZAM'AH	Abu Musa al-Asy'ari
JANAD	Mu'az bin Jabal
NAJRAN	Jarir bin Abdullah
JARASY	Abdullah bin Thur
BAHRAIN	Al-'ala' bin al-Hadhrami
DAUMAH AL-JANDAL	Iyadh bin Ghunm
IRAQ & SYAM (WILAYAH KETENTERAAN)	Panglima al-Muthanna bin Harithah al-Syaibani RA (Iraq) Khalid bin al-Walid RA (Syam)

STRUKTUR KEPEGAWAIAN

Khalifah Abu Bakar RA tidak melantik anak sendiri atau ahli keluarganya yang terdekat untuk memegang jawatan dalam pentadbiran negara sebaliknya memilih orang lain berdasarkan kelayakan dan keupayaan mereka dalam satu-satu jawatan yang berkaitan.

Khalifah Abu Bakar RA tegas dalam menentukan pegawainya menunaikan tugas dengan sebaiknya, tidak sekali-kali membiarkan pegawainya melakukan sesuatu di luar peraturan dan undang-undang.



EKSEKUTIF TERTINGGI

Ibu negara pemerintahan Islam terletak di Kota Madinah. Pelantikan eksekutif tertinggi dipilih dari kalangan sahabat-sahabat yang berwibawa iaitu:

- Umar al-Kattab RA sebagai Kadhi
- Amr bin al-As dan Walid bin Uqbah sebagai pegawai zakat.
- Abu Ubaidah bin al-Jarrah sebagai bendahari kewangan bertanggungjawab pemungutan jizyah di Jabatan Khazanah Negara dan Baitul Mal.
- Abdullah bin Mas'ud sebagai pegawai yang bertanggungjawab dalam menangani kes-kes jenayah.


Dalam menyelaraskan pentadbiran negara, Khalifah Abu Bakar RA melantik seorang pentadbir bagi setiap wilayah yang bertanggungjawab dari sudut penyeliaan tentera, pengawasan nilai moral, pungutan cukai dan zakat, keadilan undang-undang dan peraturan. Meliputi juga bidang kuasa selain penghakiman, kesempurnaan perkhidmatan awam. Pentadbir ini dibantu oleh pegawai-pegawai tertinggi yang terdiri dari para Kadhi dan para Amil.

Dalam menyampaikan maklumat dan arahan pemerintah, Khalifah Abu Bakar RA menggunakan mimbar Masjid sebagai saluran yang berkesan lagi mudah bagi rakyat untuk memperolehi maklumat yang tepat.

INSTITUSI MUFTI

Institusi Mufti bermula apabila Khalifah Abu Bakar RA bertindak sebagai mufti dan bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa dan menentukan hukum selaras dengan isi kandungan al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah SAW. Beliau melantik sahabat-sahabat sebagai mufti antaranya:

- Umar al-Khattab RA
- Ali bin Abi Talib RA
- Uthman bin Affan RA
- Abdul Rahman bin Auf RA
- Muaz bin Jabal RA
- Ubai bin Ka'ab RA
- Zaid bin Thabit RA



Pihak lain tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa atau menentukan hukuman yang berkait dengan perundangan Islam untuk mengelakkan tindakan bertindih dan kekeliruan dalam masyarakat umum.

Jom
Tentan!



KONSEP SYURA

Ketua negara (Khalifah) yang dipilih menjadi pemimpin mereka tetap beramal dengan konsep syura (musyawarah) dan diperkuuhkan dengan beberapa strategi yang dijalankan melalui pelantikan sahabat yang berkelibar. Abu Bakar RA membariskan para sahabat yang mempunyai ketokohan, ilmu dan pengaruh yang besar.

Kesemua mereka umpsama para menteri yang membantu Khalifah Abu Bakar RA. Mereka bermesyuarat dalam perkara besar dan kadangkala diberi tugas melaksanakan beberapa perkara penting dan berfungsi menggantikan tugas khalifah ketika ketiadaannya.

Sepuluh orang daripada kalangan para sahabat yang terkenal termasuk Abu Bakar RA adalah tokoh yang menjalankan peranan tersebut. Amalan ini diteruskan oleh Khalifah Abu Bakar RA dan khalifah selepasnya. Sahabat tersebut ialah:

- Umar bin al-Khattab RA
- Uthman bin 'Affan RA
- Ali bin Abi Talib RA
- Abdul Rahman bin 'Auf RA
- Abu Ubaidah Amir bin Jarrah RA
- Saad bin Abi Waqqas RA
- Al-Zubair bin al-'Awwam RA
- Talhah bin Ubaidillah RA
- Said bin Zaid RA

PENGURUSAN KEWANGAN

Sumber kewangan pada zaman Khalifah Abu Bakar RA sama sahaja dengan apa yang ada pada zaman Rasulullah SAW iaitu:



ZAKAT

Zakat ialah harta yang dipungut daripada penganut Islam melalui hasil ternakan dan pertanian atau barang berharga yang mencukupi nisab dan masanya. Termasuklah zakat fitrah yang diwajibkan pada hariraya kepada setiap orang Islam.



SEDEKAH

Sedekah ialah sumbangan secara sukarela daripada semua pihak. Sumbangan ini diamalkan sebelum wujud negara Islam, ketika itu zakat belum lagi diwajibkan. Kadangkala pihak kerajaan menganjurkan kempen dalam keadaan tertentu.



GHANIMAH

Ghanimah ialah harta rampasan perang, yang diambil daripada musuh melalui peperangan. 20% akan diserahkan kepada kerajaan, empat perlama lagi diserahkan kepada tentera.



Al-FAI'

Al-Fai' ialah harta yang diambil tanpa berperang. Harta fai' dibahagikan oleh kerajaan mengikut pembahagian secara umum, termasuk bagi membantu rakyat bukan Islam yang memerlukan bantuan.



JIZYAH

Jizyah bayaran balik yang dikenakan kepada orang bukan Islam secara cukai bagi menggantikan zakat yang diwajibkan kepada penganut Islam. Dikenakan kepada ahli Zimmah. Kadarnya berbeza antara golongan kaya dan sederhana mengikut ijтиhad kerajaan.



BAITUL MAL

RUMAH YANG MENJADI TEMPAT MENYIMPAN HARTA KERAJAAN YANG TERLETAK DI SANA'A




ZAKAT

Pembayar zakat terdiri daripada sahabat yang kaya.

Diberikan kepada 8 golongan asnaf khusus untuk orang Islam.

Turut diberikan kepada bukan Islam atas tujuan menjinakkan hati dan bagi menghilangkan rasa permusuhan terhadap Islam



GHANIMAH & FA'

Tidak terhad kepada muslim. Turut diberikan kepada bukan Islam dan keluarga Rasulullah SAW

Imbuhan tetap diberi kepada para isteri Rasulullah SAW, bapa saudaranya al-Abbas, Husin dan Hasan (cucu Rasulullah SAW).

Imbuhan juga diberi kepada Ahli Badar, pemuda, wanita dan anak-anak Muhajirin dan Ansar yang memerlukan



Abu Hurairah RA meriwayatkan: Rasulullah SAW bertanya: Siapakah di antara kamu yang berpuasa hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa di antara kamu yang menghantar jenazah hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa yang memberi makan pada orang miskin hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa yang telah menjenguk orang sakit hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Kemudian Rasulullah bersabda: Tiadalah amalan tersebut berkumpul pada diri seseorang kecuali dia akan masuk syurga”

(HR Muslim No: 1707)



JOM
LATIHAN

Pilih jawapan yang betul

1. Saidina Abu Bakar RA berhijrah ke Madinah bersama Nabi Muhammad SAW ketika berumur :
 - A. 45 tahun
 - B. 50 tahun
 - C. 60 tahun
 - D. 51 tahun
2. Saidina Abu Bakar RA memperkenalkan bayaran gaji kepada golongan tentera Islam yang dibayar melalui harta :
 - A. ghanimah
 - B. fa'i
 - C. al-kharaj
 - D. jizyah
3. Apakah yang dimaksudkan sebagai cukai jizyah?
 - A. harta yang diambil tanpa berperang.
 - B. harta rampasan perang yang diambil daripada musuh melalui peperangan
 - C. harta yang dipungut daripada penganut Islam
 - D. harta yang diambil daripada hasil tanaman
4. Berikut merupakan sumbangan Saidina Abu Bakar RA dalam agama **KECUALI**
 - A memerangi golongan yang enggan membayar zakat
 - B memerangi golongan murtad
 - C memerangi nabi palsu
 - D memerangi nabi
5. Saidina Abu Bakar RA mengarahkan supaya menghimpun dan menyusun semula ayat-ayat al-Quran.
 - A. Saidina Ali bin Abi Talib RA
 - B. Khalid bin Al Walid RA
 - C. Bilal bin Rabbah RA
 - D. Zaid bin Thabit RA


Tentukan pernyataan tersebut benar (/) atau salah (X)

- Gelaran ‘as-Siddiq’ bermaksud orang yang paling benar dalam berkata-kata
- Tempoh pemerintahan Saidina Abu Bakar RA ialah selama 2 tahun 5 bulan
- Nama penuh Saidina Abu Bakar Abdullah bin Uthman (Abu Qahafah) bin Amir al-Qurasyi al-Tamimi.
- Salinan al-Quran telah disimpan oleh Saidina Abu Bakar RA diikuti dengan turutan Saidatina Aisyah RA, Saidina Umar RA dan Saidina Uthman RA
- Khalifah Abu Bakar RA telah menubuhkan 11 pasukan tentera Islam bagi memerangi golongan Riddah
- Khalifah Abu Bakar melantik 14 orang amir bagi setiap wilayah untuk memudahkan urusan pentadbiran negara
- Abd Rahman bin Auf antara sahabat Saidina Abu Bakar RA yang dilantik sebagai mufti
- Saidina Abu Bakar RA gemar melantik ahli keluarganya dalam memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan.
- Abu Ubaidah bin al-Jarrah RA dilantik sebagai bendahari kewangan di Jabatan Khazanah Negara dan Baitul Mal.



**“dan telah Kami ajarkan kepada Daud
membuat baju besi untuk kamu, guna
memelihara kamu dalam
peperanganmu; Maka hendaklah kamu
bersyukur (kepada Allah) dan (telah
Kami tundukkan) untuk Sulaiman angin
yang sangat kencang tiupannya yang
berhembus dengan perintahnya ke
negeri yang Kami telah memberkatinya.
dan adalah Kami Maha mengetahui
segala sesuatu.”**

- Surah al-Anbiya : ayat 80 & 81 -





TOPIK 3

SAINS TEKNOLOGI ZAMAN SAIDINA UMAR RA



UMAR AL-KHATTAB

KHULAFĀ' AR-RASYIDIN KEDUA
(634M-644M)



LATAR BELAKANG

Kelahiran

Dilahirkan pada tahun 583M sesudah tahun gajah. Perbezaan umur dengan Rasulullah SAW adalah 13 tahun lebih muda daripada nabi.

Salasilah

Salasilah beliau bertemu dengan salasilah Rasulullah SAW ialah pada Kaab bin Luai, iaitu salasilah daripada Murrah bin Kaab bin Luai.

Usia diangkat menjadi Khalifah

Diangkat menjadi Khalifah pada usia 52 tahun. Meninggal pada usia 62 tahun kerana dibunuh oleh Abu Lu'Luh ketika sedang solat di Masjid Nabawi dan wafat pada hari Rabu akhir bulan Zulhijjah tahun 23H dan di makamkan bersebelahan dengan makam Nabi Muhammad SAW

SOROTAN HIJRAH

Rasulullah saw mendoakan " Ya Allah muliakanlah Islam dengan salah seorang dari dua umar" iaitu Umar bin Khattab dan Amru bin Hisyam

Mendengar bacaan dari Nabi SAW surah al-Haqqa ayat 41-44. Kesan hatinya bergetar karana prasangka buruknya langsung dijawab dalam ayat-ayat yang dibacakan Rasulullah SAW.

Kemuncak kemarahan sehingga berniat untuk membunuh Rasulullah SAW & dihalang oleh seorang sahabat lalu menukar laluan untuk mencari adik perempuannya setelah mengetahui bahawa adiknya telah memeluk Islam bersama suaminya.

Membaca surah Taha ayat 1-8 akhirnya beliau menyedari bahawa ayat tersebut tidak mungkin diucapkan oleh makhluk dan membawanya untuk bertemu dengan Rasulullah SAW dan akhirnya mengucapkan syahadah. Takbir

ABOUT ME



NAMA SEBENAR

Umar bin al-Khattab bin Naufal bin Abdul Uzza bin Rabah bin Abdullah bin Qirt bin Riyad bin Rizah bin Adi bin Kaab bin Luai



GELARAN

Al-Faruq kerana dapat membezakan antara yang hak dan batil.

Abu Hafsh iaitu dinisbahkan kepada puterinya iaitu Hafshah Ummul Mukminin RHA



SIFAT PERIBADI

- Seorang yang berani, tegas dan besederhana dalam kehidupan.
- Beliau mempunyai akal fikiran yang tajam.
- Salah seorang yang pandai menulis dan membaca pada zamannya.
- Mempunyai kebolehan menjadi diplomat kaum Quraisy dengan kabilah-kabilah di luar Quraisy.
- Meminati bidang syair dan gemar mendendangkan syair terutama ketika zaman jahiliah.

Sumbangan

'SAINS TEKNOLOGI'

Pembesaran
Masjid

Al-Diwan

Pembukaan
Bandar

Penentuan
Sempadan

Terusan Amirul
Mukminin

Badan
Kehakiman

Sistem
Kewangan Islam

Penetapan 4 kali
Takbir Solat
Jenazah

Aspek
Keilmuan

PEMBAHARUAN PENTADBIRAN



1 PERMULAAN TAHUN HIJRAH

Penggunaan surat-surat perlu kepada tarikh untuk menghantar dan membalas surat. Umar RA merasakan perlu kepada penggunaan kalender tertentu. Pemilihan waktu hijrah sebagai awal tarikh. Tarikh tersebut merupakan permulaan Negara Islam.

1

2

2 PENENTUAN SEMPADAN

Khalifah Umar RA adalah orang yang pertama membuat perbatasan negeri-negeri. Beliau membuat perbatasan kota Kufah, kota Basrah dan Bandar Fustat.



3 SOLAT JENAZAH

3 Nabi Muhammad SAW melaksanakan solat jenazah dengan empat kali takbir, lima kali takbir dan enam kali takbir. Khalifah Umar RA menetapkan empat kali takbir pada solat jenazah.



AL-DIWAN

Al-Diwan ialah daftar atau buku catatan. Diwujudkan untuk mencatatkan nama-nama tentera dan keluarga mereka serta jumlah sara hidup masing-masing. Bayaran sara hidup dibuat berdasarkan jasa seseorang terhadap Islam, terutama semasa proses peluasan wilayah.




5

4

TERUSAN AMIRUL MUKMININ

Khalifah Umar RA mewujudkan terusan bagi memajukan sistem pertanian yang menghubungkan Sungai Nil dengan Laut Merah sepanjang 69 batu dari bandar Fustat. Beliau juga membina empangan Abu Musa yang menyambungkan Sungai Dajlah (Tigris) dengan bandar Basrah.



PEMBANGUNAN INSTITUSI MASJID

01

MASJID AL-NABAWI

- Menambah keluasan masjid sebanyak 10 hasta di arah kiblat, 20 hasta di sebelah barat, dan 70 hasta di sebelah utara.
- Mengembalikan binaan asas masjid dengan pelepas tamar, jongkong tanah dan tiang kayu
- Atap masjid ditampal dengan bahan kalis air
- Larangan meletakkan hiasan dan warna sehingga menghilangkan khusyuk

02


MASJID AL-HARAM

- Kedudukan Maqam Ibrahim dijauhkan sedikit dari kaabah.
- Rumah di sekeliling masjid dibeli dan dirobohkan untuk meluaskan masjid.
- Masjid dikelilingi dinding yang diletakkan pelita di atasnya.
- Menukar kelambu Kaabah kepada kain buatan Mesir.


03

MASJID-MASJID WILAYAH ISLAM

- Masjid didirikan di setiap wilayah yang baru dibebaskan.
- Dijadikan sebagai mahkamah dan tempat memutuskan keadilan.
- Dijadikan tempat mendengar arahan khalifah dan ketua wilayah.



PEMBINAAN KEMUDAHAN PERHUBUNGAN



01

Menyediakan peruntukan kewangan untuk kemudahan perhubungan iaitu menyediakan unta tunggangan sebanyak mungkin.

02

Menggali terusan air di kawasan bersungai seperti di Iraq dan Mesir. Membina jambatan bertujuan membantu rakyat bergerak/bermusafir dalam wilayah Islam yang sangat luas.

03

Arah pemimpin bukan Islam bangunkan kemudahan contohnya surat perjanjian perlindungan daripada Panglima Islam 'Iyad bin Ghanam RA kepada Ketua Paderi al-Raha.


04

Memastikan bandar wilayah Islam berada di kawasan yang mudah berhubung. Perhubungan dengan Madinah menjadi pusat kerajaan Islam ketika itu.

05

Penyediaan pusat bekalan makanan dan penginapan bagi musafir

PEMBANGUNAN BANDAR-BANDAR BAHARU



01

Masjid sebagai tempat utama bandar. Menurut Islam, tiada pemisahan antara cara hidup di dunia dengan urusan agama. Bandar menjadi tempat utama segala hasil kerja manusia, maka berlakulah kewujudan pasar dan pasarnya di masjid.

02

Memakmurkan bandar yang sedia ada dan pembukaan bandar baharu seperti:

- Kufah -Sa'ad bin Abi Waqqas
- Basrah -'Utbah bin Ghazwan
- Fustat-'Amr bin al-'As

03

Bandar dibuka di daerah perbatasan. Khalifah Umar RA menempatkan pendakwah dan bala tentera bagi mempertahankan di seluruh penjuru dunia.

04

Pembangunan bandar dipilih di tempat yang memberikan kemudahan dan bersesuaian dengan penduduknya. Oleh itu, menghidupkan bandar yang baharu dibina pasar dan pasarnya juga di atur dengan sistematik.

HISBAH DAN PELAKSANAANNYA

Pelaksanaan dan pemantauan amar makruf nahi mungkar oleh pihak kerajaan Islam. Manakala rakyat sebagai pemerhati menjadi mata dan telinga kerajaan dalam memastikan amalan baik dapat dilaksanakan



KETUA PENTADBIR/PEGAWAI WILAYAH

- Mengenakan hudud terhadap anak Khalifah, 'Abd al-Rahman bin 'Umar. Hukuman sebatan atas kesalahan tersilap meminum arak.
- Memecat pegawai yang bertindak mempersendakan orang lain
- Melaksanakan qisas terhadap anak 'Amr bin al-'As
- Menjatuhkan hukuman ta'zir terhadap "Amr bin al-'As
- Menyiasat Sa'id bin 'Amir al-Jumahi

KHALIFAH

- Khalifah Umar RA ditegur oleh para sahabat yang diwakili oleh Abd al-Rahman bin Auf RA berkenaan sikap kerasnya yang menyebabkan rakyat takut untuk mengadu dan berbincang dengannya.
- Seorang perempuan menegur khalifah Umar RA berkenaan mahar yang boleh melebihi 400 dirham berdasarkan Surah al-Nisa' ayat 20-21
- Talhah RA memantau kegiatan Khalifah Umar RA yang keluar pada waktu malam untuk meninjau keadaan rakyat

RAKYAT

- Mengambil perhatian terhadap keperibadian para Walinya yang dilantik supaya memelihara solat
- Menunaikan zakat ia pembaharuan peruntukan kepada orang musafir daripada bahagian *ibn al-Sabil*
- Menegakkan amar ma'ruf dan nahi mungkar dengan turun sendiri ke lapangan seperti melakukan rondaan waktu malam, memantau pergerakan rakyat dan menyelami kehidupan sebenar rakyat.
- Menghapuskan bidaah seperti menghapuskan amalan khurafat Ratu Nil.

SUMBER PERUNDANGAN



01

AL-QURAN

Sumber yang diutamakan kerana ia merupakan kalam Allah SWT

02

AL-SUNNAH

Rasulullah SAW ialah pilihan Allah SWT untuk menjadi qudwah (ikutan manusia)

03

IJMA' SAHABAT

Persepakatan para ulama' dalam kalangan sahabat yang mendapat tarbiah secara langsung daripada Rasulullah SAW.

04

KEPUTUSAN PENGHAKIMAN TERDAHULU

Mengambil kira keputusan sewaktu pemerintahan khalifah Abu Bakar RA

05

QIYAS

Melakukan qiyas dengan sebab dan alasan yang ada persamaan daripada hukum yang dinaskan atau memilih yang lebih hampir kepada perkara yang direndai Allah SWT.

06

IJTIHAD

Mengadakan mesyuarat, syura atau malalui pandangan sendiri dengan bersyarat.

PELAKSANAAN BADAN KEHAKIMAN

- Khalifah Umar RA melaksanakan sendiri tugas sebagai hakim
- Melantik para ulama' dalam kalangan sahabat RA menjadi hakim bagi melaksanakan konsep pemisahan kuasa

Cara pelantikan hakim:

- Dilantik oleh khalifah
- Diserahkan kepada ketua wilayah

2 faktor terlucutnya jawatan hakim :-

1. Kesalahan dalam menjatuhkan hukuman.
2. Tidak mengikuti kebijaksanaan dalam menjatuhkan hukuman



Tahukah anda... Rasulullah SAW pernah memegang jawatan dalam bidang kehakiman. Rasulullah SAW adalah pemegang kuasa tertinggi dalam negara. Baginda bertindak sebagai penetap hukum, hakim dan pelaksana kepada hukum yang dijatuhkan.

Namun bermula zaman Saidina Umar RA beliau telah mengasingkan kuasa kehakiman daripada kuasa pemerintahan dan membentuk sebuah badan khas untuk mentadbir urusan kehakiman.

Nasihat Rasulullah SAW dalam hadith baginda bermaksud: "Janganlah hakim menghukum antara dua orang sedangkan hakim berada dalam keadaan marah".

Jom
Tonton!



SISTEM KEWANGAN ISLAM



BAITUL MAL

01

Institusi khusus yang diwujudkan bagi mengendalikan urusan kewangan, pungutan hasil, simpanan dan perbelanjaan negara



PENGURUSAN PERBENDAHARAAN NEGARA

02

Pengagihan Sumber Secara Sistematik
-Zakat -Jizyah -Kharaj
-Usyur -Ghanimah - Fai'



TADWIN AL-DAWAWIN

03

Urusan catatan pembahagian peruntukan mengikut penerima dan kadar yang tertentu

- **TASWIYAH AL-'ATO'**
Pemberian peruntukan secara sama rata kepada pelbagai golongan rakyat
- **TAQSIM AL-'ATO'**
Pembahagian peruntukan mengikut jasa dan peranan dalam perjuangan Islam.



SUMBER KEWANGAN BAHARU



1

ZAKAT

- Harta yang diambil daripada orang Islam atas hukum ibadat wajib

2

JIZYAH

- Cukai balasan keamanan dan keselamatan kepada penganut bukan Islam.
- Disalurkan kepada mereka yang mengendalikan urusan negara dan seluruh rakyat.

3

KHARAJ

- Hasil tanah yang dimiliki oleh rakyat bukan Islam.
- Disalurkan kepada mereka yang mengendalikan urusan negara dan seluruh rakyat.

4

USYUR

- Cukai ke atas peniaga bukan Islam yang bermiaga di negara Islam.
- Disalurkan kepada mereka yang mengendalikan urusan negara dan seluruh rakyat.

5

GHANIMAH

- Harta rampasan perang.
- 80% disalurkan kepada bala tentera, selebihnya kepada asnaf dan peruntukan ketenteraan.

6

FAI

- Harta daripada musuh yang menyerah kalah tanpa berlakunya perang

ASPEK KEILMUAN



Kitab al-Quran sebagai mukjizat ilmu menjadi panduan



Saidina Umar RA menetapkan para ulamak dalam kalangan para sahabat bagi menyertai setiap pasukan tentera untuk membebaskan seluruh wilayah daripada penjajahan



Peruntukan bulanan kepada ulamak yang menjadi mufti ditetapkan oleh Saidina Umar RA

Ulamak terulung : Abu Musa al-Asy'ari RA pernah dihantar ke Basrah dan Yaman dalam menyebarkan ilmu. Beliau seorang yang warak, sangat berilmu dan mahir. Beliau juga mempunyai suara yang merdu dalam membaca al-Quran dan diakui oleh Rasulullah SAW sendiri.

Penekanan terhadap aspek membaca dan menulis sebagai alat untuk mencari dan memelihara ilmu

Abdullah bin al-'Abbas RA merupakan tokoh pemuda sahabat yang disanjung oleh Khalifah Umar RA kerana keilmuannya sehingga dilantik menjadi ahli mesyuarat Khalifah



Peranan dan tugas para ulamak pada zaman Saidina Umar RA :

- Menjadi pemandu ilmu kepada tentera Islam
- Menyebarluaskan ilmu Islam di setiap wilayah yang ditawan



Tahukah anda... Abu al-Darda' RA pernah menjadi rujukan ilmu dan bacaan al-Quran sehingga majlisnya dihadiri tidak kurang daripada 1,600 orang murid tetap. Khalifah Umar RA pernah menawarkan beliau untuk menjadi salah seorang pegawai tadbir di wilayah Syam namun beliau menolak kerana mahu memberikan penumpuan terhadap penyebaran ilmu dan peranan memakmurkan masjid



“Bacalah al-Quran, nescaya kalian mendapat pengetahuan daripadanya. Beramallah dengannya supaya kalian menjadi ahlinya. Timbanglah diri kalian sebelum ditimbangkan amalan kalian. Bersedialah untuk hari paling besar tatkala amalan kalian dipamerkan di hadapan Allah.”

Petikan ucapan pertama Saidina Umar semasa pelantikan beliau sebagai khalifah

Ibn Qutaibah al-Dinawari, ‘Uyun al-Akhbar, jld. 2,
ms. 255



JOM
LATIHAN

Tandakan (/) pada kenyataan yang betul dan (X) pada kenyataan yang salah

Bil	Pernyataan	Betul (/)	Salah (X)
1	Gelaran bagi Saidina Umar RA ialah Al-Farouq		
2	Saidina Umar RA lahir pada tahun 852M		
3	Jizyah ialah cukai balasan keamanan dan keselamatan kepada penganut bukan Islam.		
4	Hisbah ialah pemantauan amar mungkar nahi makruf		
5	Saidina Umar RA dilantik sebagai khalifah ketika berusia 53 tahun.		
6	Cara pelantikan hakim dilantik oleh ketua wilayah		
7	Madrasah Palestin di bawah kelolaan Abdullah bin Abbas		
8	Saidina Umar telah meluaskan empayar Islam ke Mesir, Rom dan Parsi.		
9	Pembinaan empangan Abu Musa yang menyambungkan Sungai Dujlah (Tigris) dengan bandar Iraq.		
10	Pengasas takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan Tahun Hijrah		


Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

1. Saidina Umar RA meninggal dunia pada tahun ketika berusia
2. Saidina Umar RA menjadi khalifah kedua selepas khalifah
3. Saidina Umar RA meninggal akibat dibunuh oleh
4. Sumber perundangan yang utama ialah
5. Institusi bertanggungjawab mengendali urusan kewangan, pungutan hasil, simpanan dan perbelanjaan negara.
6. Gelaran iaitu dinisbahkan kepada puterinya iaitu Hafshah Ummul Mukminin RHA.
7. Madrasah di Basrah di bawah seliaan
8. Sumber kewangan negara iaitu 80% disalurkan kepada bala tentera, asnaf dan peruntukan ketenteraan.
9. diwujudkan untuk mencatatkan nama-nama tentera dan keluarga mereka serta jumlah sara hidup masing-masing.
10. Terusan Amirul Mukminin dibina di



"Ibrahim berkata: "Apakah kamu menyembah patung-patung yang kamu pahat itu ? Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu." Mereka berkata: "Dirikanlah suatu bangunan untuk (membakar) Ibrahim; lalu lemparkanlah dia ke dalam api yang menyala-nyala itu."

- Surah Ash-Shaaffaat : ayat 95-97 -





TOPIK 4

SAINS TEKNOLOGI ZAMAN SAIDINA UTHMAN RA



UTHMAN BIN AFFAN

KHULAFĀ' AR-RASYIDIN KETIGA
(24H - 35H)



LATAR BELAKANG

NAMA	Uthman bin "Affan bin Abi al-'As bin Umayyah bin 'Abd Syams bin 'Abd Manaf bin Qusai bin Kilab
KETURUNAN	Keturunan bangsawan dan hartawan Quraisy
TAHUN KELAHIRAN	6 tahun selepas Tahun Gajah
SIFAT DAN KEPERIBADIAN	<ul style="list-style-type: none">Seorang hartawan dan dermawanSeorang ahli perniagaan yang diwarisi daripada bapanyaSeorang yang sangat pemalu
KEISLAMAN	Salah seorang daripada kalangan lelaki yang paling awal menerima Islam selepas Abu Bakar RA, Ali bin Abi Talib dan Zaid bin Harithah RA
KEWAFATAN	Wafat pada usia 82 tahun setelah dibunuh oleh pemberontak di rumahnya pada tanggal 18 Zulhijjah tahun 35 Hijrah



PENGALAMAN

- Menjadi salah seorang daripada penulis wahyu yang mengumpulkan Al-Quran
- Menjadi perunding yang dihantar ke Mekah sebelum Perjanjian Hudaibiyah berlaku
- Menyertai semua peperangan kecuali Perang Badar al-Kubra
- Merupakan salah seorang Ahli Syura yang terulung dan terkenan kedudukannya
- Mampu berijtihad dalam perkara yang tiada dalam nas
- Menggantikan Rasulullah SAW dalam urusan pentadbiran negara ketika ketiadaan Baginda

ABOUT ME

KEISTIMEWAAN

- Disayangi Rasulullah SAW
- Disegani oleh para Malaikat
- Dijanjikan syahid
- 10 orang sahabat yang dijamin surga

HUBUNGAN DENGAN RASULULLAH SAW

- Anak sepupu Rasulullah di sebelah ibu baginda
- Menantu Rasulullah

GELARAN

- DZun-Nurain** (empunya dua cahaya) kerana mengahwini dua orang puteri Rasulullah SAW Ruqayyah & Ummu Kalthum
- Al-Ghaniy** (Kaya Raya)

PEKERJAAN

Usahawan

Sumbangan

SAINS TEKNOLOGI

Pembesaran
Masjid

Armada
Laut

Pengumpulan
Quran Dalam
Satu Mashaf

Pengorbanan
Jihad Harta

Pelaksanaan
Syariat Dan
Kehakiman

Polisi Dan
Tindakan
Ekonomi

Pelaksanaan
Hisbah

Pengurusan
Kewangan

Polisi Dalam
Pentadbiran
Wilayah

WILAYAH PENTADBIRAN KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN

MAKKAH AL-MUKARRAMAH

- Sentiasa berada dalam keadaan aman
- Pusat perkembangan ilmu Islam sehingga menjadi tempat kunjungan para ilmuwan dan penuntut Islam dari seluruh pelusuk negara
- Tempat yang dikunjungi untuk menunaikan ibadat haji dan umrah

BAHRAIN DAN YAMAMAH

- Pusat bagi operasi menawan seluruh willyah Parsi
- Wilayah Bahrain menjadi sokongan kuat dalam meluaskan misi dakwah ke Parsi

BASRAH

- Projek pembangunan dan kemudahan rakyat seperti pembinaan terusan dan penyediaan bekalan air dibangunkan secara pesat
- Tempat penghijrahan umat manusia sehingga menjadikan masyarakatnya majmuk

SYAM

- Barisan hadapan dalam menghadapi ancaman saki-baki Rom
- Wilayah Palestin diletakkan di bawah pentadbiran Syam
- Lokasi strategik yang menjadi pengkalan laut pertama dalam sejarah Islam

MADINAH AL-MUNAWWARAH

- Pusat pentadbiran kerajaan Islam
- Tempat pertemuan dan kunjungan tetamu dari wilayah lain untuk menemui Khalifah
- Kunjungan jemaah haji, para ulamak dan penuntut ilmu

YAMAN DAN HADRAMAUT

- Penduduknya sangat patuh kepada pemerintahan Islam
- Pangkalan gerakan dakwah sehingga Islam berkembang melalui pelayaran damai

KUFAH

- Berlaku beberapa pertukaran wali bagi wilayah Kufah

MESIR

- Mesir menjadi wilayah tidak terkawal sehingga menimbulkan pemberontakan yang mengorbankan Khalifah

ARMENIA

- Wilayah baru pada zaman Khalifah Uthman RA
- Wilayah Azerbijan digabungkan di bawah pentadbiran Armenia

PEMBESARAN MASJID NABAWI

Pada masa khalifah Uthman RA, iaitu pada tahun 29H, masjid Nabawi tidak lagi dapat menampung jumlah jemaah yang semakin ramai. Para sahabat mengadukan hal tersebut pada khalifah. Setelah diadakan musyarawah, ahli masjid sepakat untuk memperluaskan masjid Nabawi. Dari sisi selatan (kiblat masjid) ditambah 10 hasta, sisi barat 10 hasta, dan sisi utara 20 hasta. Sisi utara tetap tidak dilakukan penambahan kawasan, dibiarkan sama seperti pada masa khalifah Umar RA, kerana adanya makam para isteri Nabi.



Secara keseluruhan, dari sisi utara ke selatan menjadi 170 hasta, dan dari sisi timur ke barat menjadi 130 hasta. Tambahan tanah masjid secara keseluruhan 496 persegi. Pada masa ini, penambahbaikan masjid menjadi perhatian utama. Dinding, tiang dan atap diganti dengan bahan yang lebih baik dari sebelumnya. Namun demikian, pintu masjid tetap berjumlah 6. Ruang imam dibuat agak melengkung seperti yang dapat dilihat sekarang

Masjid juga menjadi tempat pengajian untuk kegiatan ilmu yang menerima kunjungan para penuntut ilmu yang mengelilingi para ulamak sahabat RA.

Dari era kekhilafahan Uthman bin Affan RA sampai era Walid bin Abdul Malik (iaitu hingga tahun 88 H), Masjid Nabawi tidak mengalami perluasan.

PENGUMPULAN AL-QURAN DALAM SATU MASHAF

- Penyusunan semula Al-Quran dilakukan semula pada masa Khalifah Uthman RA setelah beliau menerima kepulangan Huzaifah bin al-Yaman RA daripada kunjungan ke beberapa buah daerah dari Syam sehingga Iraq, Azerbaijan dan Armenia.
- Huzaifah RA mendapati bahawa terdapat sebutan yang berbeza dalam bacaan al-Quran penduduk di sana kerana dipengaruhi oleh loghat bahasa daerah dalam sebutan huruf mereka.
- Keadaan ini menyebabkan berlakunya qiraat yang berbeza dan dibimbingi boleh mencetuskan pertelingkahan dalam kalangan umat Islam yang bersatu dan bersaudara.
- Selepas Khalifah Uthman RA bermesyuarat dengan para sahabat yang paling kanan mengarahkan supaya diambil naskhah al-Quran yang disimpan oleh Ummu al-Mukminin Hafsa RA
- Zaid bin Thabit RA bersama sahabat lain diarahkan untuk menulis semula Al-Quran dalam bahasa Arab Quraisy.
- Pembukuan mushaf selesai pada 652 M atau 19 tahun selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Salinan mushaf Uthmani dikirimkan ke pelbagai wilayah kaum Muslimin yang semakin luas ketika itu, sekali gus menjadi rujukan utama.
- Turut dihantar seorang sahabat bersama setiap mashaf untuk mengajar cara bacaan yang betul
- Antara yang masih wujud sehingga kini ialah mashaf yang disimpan di Perpustakaan Kompleks Hast-Imam, Tashkent, Uzbekistan. Malangnya, salinan itu hanya 338 halaman, iaitu sepertiga daripada isi al-Quran keseluruhannya.
- Inilah antara jasa Khalifah Uthman RA yang paling besar dan mulia kerana meninggalkan pusaka ilmu yang paling bermanfaat kepada seluruh umat hingga akhir zaman.



PENUBUHAN PASUKAN ARMADA LAUT

- Pada pemerintahan Khalifah Umar RA, beliau tidak memberi keizinan kepada Mu'awiyah bin Abi Suffian untuk menubuhkan angkatan tentera laut. Larangan ini adalah disebabkan tentera Islam masih kurang pengalaman dan boleh membahayakan keselamatan mereka.
- Namun pada pemerintahan Khalifah Uthman RA, beliau mengambil keputusan dengan memberikan keizinan untuk menubuhkan angkatan tentera laut pada 27 hijrah. Beliau melihat kepada keperluan menyediakan kekuatan pertahanan semasa, malah sudah ramai daripada kalangan tentera Islam yang berpengalaman di laut.



- Dalam usaha Khalifah Uthman RA menyebarkan Islam, banyak negara yang telah dibuka melalui angkatan tentera ini. Antara wilayah baru yang berjaya ditakluki oleh beliau ialah Cyprus, Afganistan, Samarqand, Libya, Algeria, Tunisia, Morocco dan beberapa buah negara lagi.

Tahukah anda dalam perperangan laut (*Zat Al-Sowari*), pihak Rom menyediakan sebanyak 500-1000 buah kapal yang dipimpin oleh Raja Constantine II bagi menggempur tentera laut Islam manakala pihak Islam hanya membawa sebanyak 200 buah kapal. Walau bagaimanapun perperangan itu dimenangi oleh tentera laut Islam dengan pertolongan Allah SWT. Perperangan ini dinamakan *Al-Sowari* kerana banyaknya tiang layar kapal daripada kedua-dua belah pihak. *Al-Sowari* bermaksud tiang-tiang layar yang banyak

- Di samping itu, angkatan tentera laut juga perlu bagi melindungi perjalanan laut kepada pedagang dan pendakwah.
- Mu'awiyah RA yang memainkan peranan ketika itu telah melantik Abdullah bin Qais al-Harithi (ada juga yang menyebut al-Jasi) menjadi ketua tentera laut Islam yang pertama. Panglima yang diberikan gelaran "bapa tentera laut Islam" ini telah menyertai sebanyak 50 perperangan laut dan tidak pernah menghadapi sebarang kekalahan.



PENGORBANAN JIHAD HARTA

PERIGI RUMMAH

- Ketika permulaan berada di Madinah selepas berlakunya hijrah, umat Islam menghadapi masalah bekalan air. Terdapat satu kampung bernama Rummah dan mempunyai sebuah perigi milik seorang Yahudi yang bakhil. Yahudi ini mengambil kesempatan daripada masalah tersebut dengan menjual air daripada periginya dengan harga yang sangat tinggi.
- Pada peringkat awal Yahudi tersebut enggan menjualkan perigi tersebut apabila ditawarkan oleh Khalifah Uthman RA.
- Namun, dengan kebijaksanaan Khalifah Uthman perigi tersebut dapat dibeli dengan bayaran keseluruhannya sebanyak 20,000 dirham. Akhirnya perigi tersebut menjadi milik umat Islam sepenuhnya.



PERANG TABUK

- Peperangan Tabuk merupakan salah satu peristiwa bersejarah yang berlaku pada bulan Rejab dan merupakan peperangan terakhir yang disertai oleh Rasulullah SAW.
- Tabuk adalah sebutan untuk suatu tempat yang terletak antara Wadil Qura dan Syam. Perang ini disebut juga *Ghazwah Al-Usrah* yang bermaksud Perang Kesulitan.
- Kaum Muslimin dikerahkan untuk berperang ke Tabuk bagi menghadapi bala tentera Rom (satu kuasa besar dunia). Dalam menghadapi peperangan ini, Rasulullah SAW melancarkan pungutan derma bagi menghadapi keadaan darurat akibat musim panas dan pokok buah-buahan belum lagi mengeluarkan buah.
- Ketika inilah Khalifah Uthman RA telah menyumbangkan sebanyak 950 ekor unta beserta 50 ekor kuda, manakala sumbangan wang pula adalah sebanyak 1000 dinar dan 700 uqiyah perak.



Tahukah anda, Khalifah Uthman RA juga menyumbang hartanya dengan membeli para hamba abdi untuk dimerdekaan pada setiap minggu.

Beliau telah melaksanakan sebahagian pendekatan Islam dalam menghapuskan amalan pengabdian manusia pada zaman itu secara berperingkat.

PELAKSANAAN SYARIAT DAN KEHAKIMAN

- Khalifah Uthman RA melakukan penambahbaikan dan pembaharuan dalam sistem perundangan dan kehakiman yang telah dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar RA dan Khalifah Umar RA
- Khalifah Uthman RA sendiri bertindak menjadi hakim dalam kebanyakan perkara, kemudian khalifah melantik para ulamak sahabat untuk menjadi hakim. Antara yang ditugaskan di Madinah ialah Ali bin Abi Talib RA, Zaid bin Thabit RA dan al-Sa'ib bin Yazid RA
- Khalifah Uthman RA juga melantik hakim-hakim di setiap wilayah dan daerah. Pada masa yang sama, beliau melihat, memantau sendiri serta bermesyuarat dengan sahabat terkanan yang masih ada dan para ulamak muda dalam kalangan mereka. Antara para hakim yang dilantik itu ialah :
 - 1.Zaid bin Thabit di Madinah
 - 2.Abu al-Darda' di Dimasyq
 - 3.Ka'ab bin Sur dan Abu Musa al-Asy'ari di Basrah, merangkap Wali di wilayahnya
 - 4.Syuraih (daripada kalangan ulamak tabiin yang dilantik oleh Khalifah Umar RA) di Kufah.
 - 5.Ya'la bin Umayyah dan Thumamah di Sana'a (Yaman)
 - 6.Uthman bin Qays bin Abi al-'As di Mesir
 - 7.Melantik para ulamak sahabat untuk menjadi hakim
- Mengadakan Dar al-Qada' (Rumah Kehakiman). Menjadikan rumah khusus sebagai mahkamah supaya tidak diganggu dengan kesibukan jemaah di masjid dengan jumlah yang semakin ramai. Sebelumnya, Rasulullah SAW, Abu Bakar RA dan Umar RA menjalankan fungsi mahkamah di masjid.



- Menangani kes pembunuhan Khalifah Umar RA. Khalifah Uthman RA membayar diat (denda) bagi pihak Ubaidillah bin Umar yang membunuh perancang pembunuhan Khalifah Umar RA.
- Melaksanakan dua kali azan Jumaat. Bagi menyelesaikan masalah para jemaah yang datang lewat disebabkan jauh dari masjid atau leka berada di pasar. Khalifah Uthman RA juga mengambil tauladan daripada Rasulullah SAW yang mengarahkan dua kali azan bagi solat subuh.

POLISI DAN TINDAKAN EKONOMI

- Khalifah Uthman RA merupakan seorang yang mahir dalam perniagaan telah melaksanakan beberapa tindakan atau pendekatan baharu dalam pengurusan ekonomi dalam pemerintahannya. Antaranya:

1. Tindakan terhadap sesiapa yang muflis dengan menjual barang milik golongan tersebut. Seterusnya menggunakan hasil jualan tersebut bagi menyelesaikan hutang, namun mengembalikan baki hasil jualan kepada mereka.
2. Tindakan terhadap sesiapa yang melakukan *ihtikar* (monopoli dengan cara menyimpan barang kerana menunggu kenaikan harga). Langkah ini diambil oleh Khalifah Uthman RA adalah selari dengan seperti mana tindakan yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar RA sebelumnya.

PELAKSANAAN HISBAH

- Khalifah Uthman RA meneruskan peranan Hisbah berkonsepkan amar makruf dan nahi mungkar.
- Hisbah dilaksanakan dengan dua cara iaitu:
 1. Secara langsung oleh mereka yang ditugaskan secara khusus.
 2. Diberikan kebebasan kepada umat untuk menilai sama ada khalifah sendiri turun ke lapangan ataupun bertanyakan para jemaah di masjid.
- Khalifah Uthman RA pernah menaiki mimbar masjid dan bertanyakan para jemaah berkenaan keadaan rakyat, bermula dari hal agama dan kehidupan mereka sehinggalah keperluan harian mereka termasuk berkenaan harga barang di pasar.



PENGURUSAN KEWANGAN


- Walaupun Khalifah Uthman RA merupakan seorang ahli ekonomi yang mahir dalam perniagaan, beliau tetap berpegang kepada dasar dan konsep yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam Al-Quran dan Rasulullah SAW daripada Sunnahnya.
- Urusan kewangan ini melibatkan sumber kewangan yang diambil daripada penganut Islam seperti zakat, sedekah dan wakaf manakala cukai yang dipungut daripada rakyat bukan Islam seperti jizyah, kharaj dan usyur. Di samping itu, terdapat juga sumber kewangan yang lain seperti ghanimah, fai' dan lain-lain.
- Sumber kewangan tersebut disimpan di dalam Baitulmal sebelum diagihkan mengikut bahagian masing-masing. Urusan Baitulmal ditugaskan kepada orang yang beriman, berilmu dan berakhhlak tinggi dalam mengambil, menyimpan, berbelanja dan membahagikannya.
- Khalifah Uthman RA melakukan islah dan tajdid dengan berijtihad dari sudut pengurusan kewangan dan ekonomi pada zaman pemerintahannya. Antaranya :
 1. Memasukkan zakat hutang dalam pembahagian zakat.
 2. Perbelanjaan zakat iaitu bahagian untuk golongan fakir miskin dengan menyediakan makanan di masjid untuk mereka.
 3. Membahagikan zakat bagi golongan *ibn al-sabil* (musafir) dengan menyediakan tempat persinggahan di masjid khususnya bagi mereka yang beriktitaf pada bulan Ramadan.
 4. Mengendalikan urusan jihad fi sabilillah meliputi aspek ketenteraan dan maslahat umum.
- Bagi menggalakkan perkembangan ekonomi, khalifah juga melaksanakan hukum *ihya' al-mawat* (penerokaan tanah). Keadaan ini dapat meningkatkan pendapatan negara.



POLISI DALAM PENTADBIRAN WILAYAH

Khalifah Uthman RA sentiasa memantau perjalanan di seluruh wilayah dengan beberapa cara yang sesuai pada zamannya yang belum memiliki alat perhubungan yang pantas untuk bergerak. Antara kesempatan yang diambil oleh khalifah bagi memantau pentadbirannya ialah :

- Mendapatkan maklumat daripada jemaah haji yang datang setiap tahun. Di samping itu, Khalifah juga mengarahkan supaya perutusan dihantar bersama jemaah haji yang datang setiap tahun dan musim.



- Mengambil maklumat daripada orang yang datang atas urusan kerja seperti perniagaan bukan pada musim haji. Kesempatan mendapatkan maklumat dimanfaatkan daripada mereka supaya melaporkan keadaan di wilayah masing-masing.

- Melantik wakil untuk meninjau dan memerhati keadaan sebenar secara langsung. Kemudian menghantar laporan secara bertulis kepada khalifah berkenaan tempat yang telah ditetapkan untuk tugas.
- Melantik pemantau untuk bertugas di wilayah-wilayah. Antara mereka yang pernah ditugaskan ialah 'Ammar bin Yasir RA dihantar ke Mesir, Muhammad bin Maslamah RA dihantar ke Kufah, Usamah bin Zaid RA dihantar ke Basrah, Abdullah bin Umar dihantar ke Syam dan lain-lain.
- Mengutuskan surat kepada wali yang dilantik dan menerima jawapan mereka secara langsung. Khalifah Uthman RA juga terus mengadakan hubungan yang baik dengan mereka yang telah dipecatnya.





*"Janganlah kalian sekali-kali
terlalu cenderung kepada
kesenangan dunia dan
janganlah percaya kepadanya,
kerana sebenarnya dunia itu
tidak boleh dipercayai.
Ketahuilah! Sesungguhnya
dunia tidak meninggalkan
kalian, kecuali mereka yang
meninggalkannya (tidak
cenderung kepada dunia)"*

Petikan ucapan Saidina Uthman semasa pelantikan beliau sebagai khalifah.

Al-Tabari, Tarikh al-Tabari, jld. 4, ms. 42



JOM
LATIHAN

Pilih jawapan yang betul

1. Mengapakah Saidina Uthman RA digelar sebagai Zu al-Nurain?
 - A. Seorang yang dermawan
 - B. Mempunyai sifat yang berani
 - C. Mengahwini seorang puteri Rasulullah SAW
 - D. Mengahwini dua orang puteri Rasulullah SAW
2. Berikut adalah sumbangan Saidina Uthman RA dalam bidang agama **kecuali** :
 - A. Memperkenalkan azan kedua pada solat Jumaat
 - B. Membeli tanah untuk membesarkan masjid Nabawi
 - C. Memerangi golongan yang enggan membayar zakat, golongan murtad dan nabi palsu
 - D. Membentuk jawatankuasa untuk menyalin semula ayat al-Quran yang dikenali sebagai Mashaf Uthmani
3. Berikut merupakan sifat peribadi Saidina Uthman RA **kecuali** :
 - A. suka kepada kemewahan
 - B. tegas dan bertanggungjawab
 - C. berani menegakkan kebenaran
 - D. seorang yang zuhud dan dermawan
4. Siapakah tokoh yang bertanggungjawab menguruskan angkatan tentera laut pada zaman Saidina Uthman RA?
 - A. Ali bin Abi Thalib
 - B. Usamah bin Zaid
 - C. Huzaifah bin al-Yaman
 - D. Mu'awiyah bin Abi Suffian
5. Saidina Uthman RA meninggal dunia ketika berumur
 - A. 70 tahun
 - B. 75 tahun
 - C. 82 tahun
 - D. 85 tahun


Pilih jawapan yang betul

1. Saidina Uthman RA telah dibunuh oleh (pemberontak / Abu Qasim)
2. Nama gelaran bagi Saidina Uthman RA ialah (Al-Faruq / Zu al-Nurain)
3. Saidina Uthman RA merupakan khalifah al-Rasyidin yang ke (tiga / empat)
4. Saidina Uthman RA memerintah selama (12 / 10) tahun
5. Saidina Uthman RA telah memperkenalkan azan kedua yang dilaungkan pada hari (Jumaat / Sabtu)
6. Saidina Uthman RA telah mengukuhkan angkatan ketenteraan dengan membentuk angkatan tentera (laut / darat) bagi membasmi pemberontak.
7. Perigi yang dibeli oleh Saidina Uthman RA untuk kegunaan umat Islam ialah perigi (Zam-Zam / Rummah)
8. Saidina Uthman RA telah membesarluaskan masjid (Quba / Nabawi) kerana hendak menampung jumlah jemaah yang semakin ramai.
9. Saidina Uthman RA tidak dapat menyertai peperangan (Uhud / Badar) kerana menjaga isterinya Ruqayyah RA yang sakit tenat.
10. Saidina Uthman RA telah menginfakkan sebanyak 950 ekor unta dan 50 ekor kuda semasa perang (Tabuk / Ahzab)



"Dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam istana." Maka tatkala dia melihat lantai istana itu, dikiranya kolam air yang besar, dan disingkapkannya kedua betisnya. Berkatalah Sulaiman: "Sesungguhnya ia adalah istana licin terbuat dari kaca." Berkatalah Balqis: "Ya Tuhanaku, sesungguhnya aku telah berbuat zalim terhadap diriku dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah, Tuhan semesta alam."

- Surah An-Naml : ayat 44 -





TOPIK 5

SAINS TEKNOLOGI ZAMAN SAIDINA ALI RA



ALI BIN ABI THALIB

KHULAFĀ' AR-RASYIDIN TERAKHIR
(35H - 40H)



LATAR BELAKANG

KELAHIRAN

- Anak kepada Abi Talib bin "Abd al-Muttalib dan Fatimah binti Asad RA.
- Merupakan Khalifah terakhir dalam tamadun khulafah ar-Rasyidin.
- Merupakan sepupu Rasulullah SAW.
- Dilahirkan pada 602M semasa Rasulullah SAW tinggal bersama keluarganya.

SEBELUM KEISLAMAN

- Diambil oleh Rasulullah SAW untuk dijadikan anak angkat.
- Berumur 10 tahun sewaktu Rasulullah SAW menerima wahyu pertama.
- Memeluk Islam selepas melihat Rasulullah SAW dan Khadijah RA mendirikan solat.

SELEPAS KEISLAMAN

- Berperanan membawa Abu Zarr al-Ghfari RA bertemu Rasulullah SAW
- Sentiasa solat bersama Rasulullah SAW di tempat awam
- Menemanai Rasulullah SAW bertemu pemimpin Arab yang datang ke Makkah
- Berkhidmat sebagai khalifah selama hampir lima tahun hingga 661 Masihi sebelum wafat pada 17 Ramadhan tahun 41 Hijrah kerana dibunuh oleh Abdul Rahman bin Muljan di Kufah

KEISTIMEWAAN

PERIBADI

- Bersama dengan Rasulullah SAW sejak lahir.
- Kanak-kanak pertama memeluk Islam.
- Diuji dengan kesusahan sejak kecil
- Beliau didoakan sebagai karamah allahu wajhah yang membawa maksud orang yang dimuliakan wajahnya atau maruahnya oleh Allah kerana tidak pernah menyembah berhala.
- Sangat terkenal dengan sifat keberanian dan kepahlawanannya dan berwatak tegas serta berpengetahuan luas dalam perundangan Islam.

KELUARGA

- Merupakan keturunan penjaga Kaabah dan telaga Zamzam.
- Dikelilingi oleh ahli keluarga yang bersemangat dalam mempertahankan Rasulullah SAW.

ABOUT ME

KEISTIMEWAAN

- Salah seorang dari 10 sahabat yang dijanji syurga
- Dilahirkan dalam kaabah
- Kanak-kanak pertama memeluk Islam

HUBUNGAN DENGAN RASULULLAH

- Sepupu Rasulullah
- Menantu Rasulullah

GELARAN

- **Karamallahu Wajhah** (dimuliakan wajah kerana tidak pernah menyembah berhala)
- **Abu Thurab**
- **Abu Hasan**

Sumbangan

SAINS TEKNOLOGI

Konsep
Pemerintahan

Pengurusan
Ekonomi Dan
Kewangan

Pentadbiran
Kehakiman

Pentadbiran
Wilayah Islam

Warisan
Keilmuan

Operasi
Ketenteraan

PERANAN SAIDINA ALI RA DALAM PENTADBIRAN RASULULLAH SAW

01

Pentadbiran Negara

- Ali RA pernah diberikan peranan untuk mentadbir negara Madinah beberapa kali oleh Rasulullah SAW apabila Baginda SAW keluar berjihad.
- Faedah : Kebolehan Ali RA dalam pentadbiran dipercayai oleh Rasulullah SAW.

02

Penghantaran Ke Yaman

- Ali RA pernah dihantar beberapa kali ke Yaman untuk tujuan jihad, dakwah, mengajar, berperang dan urusan kehakiman.
- Faedah : Keilmuan Ali RA diiktiraf oleh Rasulullah SAW.

03

Pengisytiharan Surah Bara'ah Dan Haji Wada'

- Ali RA dipilih oleh Rasulullah SAW untuk mengumumkan pengisytiharaan ayat-ayat awal Surah al-Tawbah - Hukum pembatalan kebenaran terhadap orang bukan Islam untuk menunaikan haji di Mekah.
- Ali RA ialah salah seorang sahabat yang menyertai Haji Wada' bersama Rasulullah SAW.

04

Kewafatan Rasulullah SAW

- Ali RA mengepalai Ahl al-Bayt untuk memandikan dan mengebumikan jasad Rasulullah SAW yang mulia semasa kewafatan Baginda Rasulullah SAW.
- Faedah : Kedudukan Ali RA sebagai anggota keluarga yang paling dekat dan paling amanah dengan Rasulullah SAW pada masa hayat dan wafat Baginda SAW.

KEBERSAMAAN SAIDINA ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH ABU BAKAR RA

01

Baiah Terhadap Khalifah

- Kelewatan Ali RA berbaiah terhadap Khalifah Abu Bakar RA adalah disebabkan oleh kesibukan beliau mengendalikan urusan pengebumian jenazah Rasulullah SAW di samping melayani Ahli al-Bait dan isterinya Fatimah RA.
- Tiada pada diri Ali RA sifat hubb al-ri'asah atau memprotes perlantikan Khalifah Abi Bakar RA.

02

Menjadi Menteri Khalifah

- Ali RA membantu Khalifah Abu Bakar RA dalam urusan keilmuan, pentadbiran, kehakiman, ketenteraan dan lain-lain.

03

Menghadapi Al-Riddah

- Ali RA menahan Khalifah Abu Bakar RA daripada terlibat di medan perang secara langsung untuk bertempur kerana Islam masih lagi memerlukan kepimpinan Khalifah Abu Bakar RA bagi memandu umat dalam suasana darurat dan huru hara.
- Ali RA menasihati Khalifah Abu Bakar RA supaya memerrangi kumpulan murtad dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

04

Menghadapi Rom Timur

- Khalifah Abu Bakar RA memnita cadangan Ali RA bagi menghadapi kuasa besar Rom di Barat.
- Ali RA memberikan keyakinan bahawa Islam pasti akan mencapai kemenangan berdasarkan janji Rasulullah SAW.

05

Kewafatan Abu Bakar RA

- Ali RA menerima berita kewafatan Khalifah Abu Bakar RA dalam keadaan yang sangat sedih.

06

Hubungan Kekeluargaan

- Abu Bakar RA mengahwini Asma' binti 'Umais RA yang melahirkan Muhammad bin Abi Bakar RA. Daripada zurait Muhammad bin Abi Bakar, lahirlah Imam Ja'far al-Siddiq RA
- Selepas kewafatan Khalifah Abu Bakar RA, Ali RA berkahwin pula dangan Asma' binti 'Umais bagi memelihara Muhammad bin Abi Bakar yang masih yatim.

PERANAN SAIDINA ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH UMAR RA

01

Mengendalikan Urusan Kehakiman

- Ali RA menyelesaikan beberapa kes pada zaman pemerintahan Khalifah Umar RA :
 1. Membela seorang wanita gila yang dituduh berzina.
 2. Mencadangkan kepada Khalifah Umar RA supaya menambah bilangan hukuman sebatan terhadap kesalahan minum arak daripada 40 kepada 80.
 3. Membela seorang pemuda yang difitnah melakukan penodaan terhadap seorang wanita.
 4. Membebaskan seorang wanita hamil daripada hukuman hudud zina kerana terdapat kekeliruan.

02

Bersama Pentadbiran Umar RA

- Ali RA pernah beberapa kali ditugaskan untuk memangku tugas ketua negara ketika Khalifah Umar RA melakukan lawatan ke luar Madinah.
- Ali RA menyokong keputusan Khalifah Umar RA supaya harta tetap yang tidak boleh dialih diserahkan kepada pengurusan dan pentadbiran negara.

03

Menghadapi Parsi Dan Rom

- Ali RA sentiasa bersama Khalifah Umar RA dalam kemaraan tentera Islam mengalahkan kuasa besar dunia iaitu Parsi dan Rom.

04

Hubungan Kekeluargaan

- Ali RA mengahwinkan puterinya Ummu Kalthum RA dengan Umar RA.
- Umat RA menegaskan, penghormatannya kepada keluarga Rasulullah SAW melebihi penghormatan terhadap keluarganya sendiri.
- Ali RA termasuk dalam kalangan mereka yang terlalu sedih terhadap kesyahidan Khalifah Umar RA setelah dibunuh oleh Abu Lu'l'u'ah

KEBERSAMAAN SAIDINA ALI RA DALAM PENTADBIRAN KHALIFAH UTHMAN RA

01

Pembantu Dan Pembela Yang Setia

- Beberapa peristiwa yang menunjukkan Ali RA sebagai pembantu yang paling akrab dan setia kepada Khalifah Uthman RA:
 1. Khalifah Uthman RA memerintahkan Ali RA melakukan hukuman sebat terhadap al-Walid bin 'Uqbah, Wali Kufah yang mabuk meminum arak.
 2. Ali RA termasuk dalam kalangan orang yang paling kuat mendukung Khalifah Uthman RA supaya meneruskan operasi ketenteraan di utara Afrika.
 3. Ali RA menyokong keputusan Khalifah Uthman RA supaya menulis al-Quran dalam mashaf.

02

Mempertahankan Khalifah Uthman RA

- Ali RA dan seluruh ahli keluarganya membela dan mempertahankan Khalifah Uthman RA dengan segala pengorbanan semasa Khalifah dikepung di rumah sehingga ada yang mengalami kecederaan.
- Ali RA memanggil Muhammad bin Abi Bakar RA yang terlibat dalam pemberontakan terhadap Khalifah Uthman RA untuk disoal siasat.
- Ali RA turut menanggil Marwan bin al-Hakam yang dikatakan terlibat dalam penulisan surat fitnah dengan menggunakan khatam (cap mohor) Khalifah.

03

Menolak Jawatan Khalifah

- Ali RA menolak jawatan khalifah apabila orang ramai datang mendesak beliau supaya mengambil alih tugas Khalifah Uthman RA yang syahid.
- Ali RA sangat sedih dengan kewafatan Khalifah Uthman RA dan melaknat mereka yang membunuhnya dengan zalim.

KONSEP PEMERINTAHAN

- Ali RA meneruskan konsep yang teguh berasaskan akidah perjuangan Rasulullah SAW melalui pusaka yang ditinggalkan selepas kewafatan Baginda SAW. Begitu juga disertakan dengan pengalaman tiga orang khalifah selepasnya Abu Bakar RA, Umar RA dan Uthman RA.
- Keilmuan Ali RA diiktiraf secara khusus oleh Rasulullah SAW bagi melaksanakan tugas yang paling besar dan mencabar. Semuanya mengikut panduan seperti berikut:

MENGIKUT SUMBER UTAMA HUKUM ISLAM

Ali RA bukan sahaja berpegang teguh dan tidak berganjak dengan kedua-dua sumber tersebut bahkan beliaulah yang menjadi tempat pertanyaan oleh khalifah sebelumnya kerana kedudukan beliau yang paling dekat dengan Baginda SAW.

MENGAMALKAN SYURA

Ali RA meneruskan amalan syura seperti mana tiga orang khalifah sebelumnya juga.

MELAKSANAKAN HISBAH

- Ali RA melaksanakan kewajipan hisbah berkonseptan amar makruf dan nahi mungkar
- Kewajipan melaksanakan hisbah bukan sahaja ditunaikan terhadap rakyat, bahkan juga terhadap pemimpin, termasuklah ketua negara.

MENEGAKKAN KEADILAN YANG SETARAF


- Khalifah Ali RA benar-benar menjadi contoh dalam melaksanakan keadilan untuk semua menerusi banyak peristiwa yang dibuktikan semasa beliau menjadi ketua negara yang paling berkuasa dalam kerajaan.
- Ini menunjukkan wujud pemisahan antara kuasa kehakiman dengan ketua negara dan pentadbiran.

MEMBUKA RUANG KEBEBASAN

- Ali RA tidak menghalang kebebasan untuk menentukan pendirian walaupun terhadap mereka yang salah ijtihadnya dengan syarat hendaklah berhujah dan jangan mengangkat senjata menggunakan kekerasan.
- Kebebasan beragama bagi penganut bukan Islam juga diizinkan dengan sempadan yang tidak menggugat keselamatan negara dan masyarakat majmuk. Khalifah Ali RA sendiri berhujah dengan kalangan bukan Islam tanpa memaksa mereka memeluk Islam.

PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN

- Khalifah Ali RA meneruskan dasar ekonomi dan kewangan Islam yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar RA dan Khalifah Uthman RA



- Perolehan daripada sumber-sumber ini hanyalah diwajibkan kepada mereka yang berada sahaja dan ia sekali-kali tidak dibebankan ke atas kalangan miskin yang tidak cukup pendapatannya atau kalangan paderi dan pendeta yang tidak bekerja.
- Konsep pengagihan pendapatan negara kepada rakyat adalah berpandukan petunjuk al-Quran (Surah al-Hasyr : ayat 7)



- Konsep ekonomi Islam berlaku dengan menunaikan kewajipan terhadap negara dan masyarakat tanpa menindas. Pada masa yang sama tidak merampas hak asasi masyarakat majmuk pelbagai kaum dan agama yang bebas, saling menghormati dan saling bersimpati.
- Walaupun negara Islam pada ketika itu menghadapi krisis dalam negeri kerana peristiwa syahidnya Khalifah Uthman RA sehingga membawa kepada perang saudara, kegiatan ekonomi dan pengurusannya tetap tidak terbantut.

PENTADBIRAN KEHAKIMAN

- Khalifah Ali RA meneruskan dasar dan konsep kehakiman yang diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para khalifah selepasnya yang menunjukkan pelaksanaan hukum Allah SWT yang adil kepada semua.
- Saidina Ali RA pernah menjadi hakim dan peguam dalam amalan kehakiman Islam sejak zaman Rasulullah SAW.
- Ali RA meneruskan keistimewaan kemampuan ilmu dan kebijaksanaan pada dirinya sendiri, di samping melantik hakim yang paling berwibawa dalam kalangan para ulamak sahabat RA dan tabiin RH. Antara mereka ialah :

1

Abu Musa al-Asy'ari RA

- Menjadi hakim di Kufah sejak pentadbiran Khalifah Uthman RA

2

Abdullah bin Mas'ud RA

- Menjadi wali merangkap hakim di Yaman

3

Uthman bin Hanif RA

- Di Basrah

4

Qais bin Sa'ad RA & Muhammad bin Abi Bakar RA

- Di Mesir

5

Ammarah bin Syihab

- Di Kufah

6

Qutham bin al-Abbas RA

- Di Madinah, Mekah dan Taif

7

Ja'dah bin Hubairah al-Makhzumi & Khalid bin Qurrah al-Yarbu'i

- Di Khurasan

8

Abdullah bin Abbas RA, Abu al-Aswad al-Du'ali & Abd al-Rahman bin Yazid al-Huddani

- Di Basrah

9

Syuraih bin al-Haris al-Kindi (dalam kalangan tabiin)

- Menjadi hakim di Kufah sejak pentadbiran Khalifah Umar RA dan Khalifah Uthman RA

PENTADBIRAN WILAYAH ISLAM

- Khalifah Ali RA mewarisi sempadan negara besar yang luas wilayahnya. Keadaan tersebut memerlukan sistem pentadbiran yang tersusun dan bijak bagi mengurus perkara agama dan kehidupan yang bermasyarakat majmuk.
- Khalifah Ali RA meneruskan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan pembaharuan khalifah selepasnya mengikut keperluan tempat, masa dan masyarakat. Beliau hanya memperbaharui pelantikan para pegawai yang ditugaskan dengan pertukaran dan pendekatan yang sesuai.
- Antara pelantikan yang dilaksanakan ialah :

1

Makkah Al-Mukarramah

- Abu Qatadah al-Ansari
- Qutham bin al-Abbas
- Abdullah bin al-Abbas
- Ubaidullah bin al-Abbas

2

Madinah Al-Munawwarah

(selepas penghijrahan Khalifah Ali RA ke Kufah)

- Sahal bin Hunaif al-Ansari
- Tammam bin al-Abbas
- Abu Ayyub al-Ansari

5

Basrah

- Uthman bun Hunaif
- Abdullah bin al-Abbas

4

Yaman

- Ubaidullah bin al-Abbas

3

Bahrain & Oman

- Umar bin Abi Salamah
- Qudamh bin al-Ajlan al-Ansari
- Al-Nu'man bin al-Ajlan al-Ansari
- Ubaidullah bin al-Abbas

6

Kufah

(sebelum penghijrahan Ali RA dari Madinah)

- Abu Musa al-Asy'ari

7

Parsi

- Sahal bin Hunaif al-Ansari
- Abdullah bin al-Abbas

8

Khurasan

- Abd al-Rahman bin Abza
- Ja'dah bin Hubairah

10

Syam

- Mu'awiyah bin Abi Sufyan

9

Azerbaijan

- Al-Asy'ath bin Qais
- Sa'id bin Sariyah al-Khuza'i

11

Mesir

- Qais bin Sa'ad
- Muhammad bin Abi Bakar

WARISAN KEILMUAN



- Khalifah Ali RA terkenal sebagai seorang Ahli Ilmu (sarjana) terutama dalam bidang Fiqh (Undang-undang) Islam, tafsir al-Quran dan Ilmu Nahu. Ali RA juga merupakan seorang **ahli pidato** yang hebat. Ini merupakan kepandaian semulajadi beliau. Semenjak kecil lagi beliau telah pandai bersyair dan berpidato. Bahasanya baik, kemas, indah lagi tersusun. Jadi, tidak hairanlah Ali RA muncul sebagai ahli pidato dan ahli sastera yang hebat selepas itu.
- Memandangkan kebijaksanaannya dalam berpidato itulah menyebabkan Rasulullah SAW selalu mengirimkannya ke beberapa wilayah sebagai jurudakwah. Rasulullah juga selalu memilih Ali RA dalam menjalankan tugas-tugas yang banyak memerlukan kesabaran dan keberanian.



- Sumbangan Ali RA dalam bidang **Ulum al-Naqliyyah** amat besar. Beliau diketahui menerima ilmu secara langsung daripada Rasulullah SAW sejak zaman kanak-kanak sepanjang proses kenabian dan kerasulan. Bahkan sepanjang hidupnya sentiasa berdamping dan berdiskusi dengan Rasulullah SAW di samping menimba ilmu daripada Baginda. Beliau termasuk dalam kalangan 17 orang Islam terawal yang pandai membaca dan menulis.

- Selepas kewafatan Rasulullah SAW, Ali RA cuba menyisihkan diri dari pergolakan politik dengan memberi perhatian yang serius dalam bidang keilmuan termasuk penulisan dengan mengumpul dan menulis al-Quran. Ali RA juga dianggap orang yang mula-mula mempelopori bidang pengajian al-Quran dan tafsirannya dengan melahirkan ramai tokoh-tokoh penting dalam bidang ini seperti Ibn Abbas sendiri.
- Sebagai orang yang paling banyak mengetahui dan menguasai isi al-Quran dan ajaran-ajaran Rasulnya, ramai cendikiawan Islam dan bukan Islam termasuk ahli falsafah dalam kalangan kaum Yahudi dan Kristian yang mengagumi ilmunya yang luas dan tiada tandingan. Keberaniannya berdialog dengan para cendikiawan kaum Yahudi serta mematahkan hujah mereka adalah bukti jelas tentang keunggulan Ali RA dalam bidang keilmuan.

WARISAN KEILMUAN

- Ali RA juga adalah pakar dalam bidang **hukum fiqh** dan kerap membantu ketiga-tiga khalifah sebelumnya menyelesaikan masalah penghakiman. Melalui panduan, ajaran dan bimbingannya lahirlah ramai tokoh yang kemudiannya menjadi rujukan kepada hampir semua pendiri mazhab fiqh dalam Islam. Hampir semua pendiri empat mazhab fiqh yang muktabar dalam dunia Islam menimba pengaruh keilmuan beliau baik secara langsung maupun tidak langsung.
- Begitu juga dalam bidang **tilawah al-Quran**, sumbangannya amat bermakna kerana tiada seorang pun yang lebih mengetahui tentang kaedah dan cara pembacaan sebenar kecuali beliau atas hujah perdampingannya yang rapat dengan Nabi SAW. Dasar dan panduannya dalam ilmu tilawah menjadi pedoman dan ikutan sehingga ke hari ini.
- Selain itu kebolehan dan sumbangannya dalam **ilmu kalam** dengan segala aspeknya tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Kebanyakan tokoh mazhab ilmu kalam menerima manfaat yang bukan sedikit dari keilmuannya dalam bidang ini. Beliau bukan sahaja berjaya menolak banyak hujah yang mengelirukan mengenai akidah Islam, bahkan berjaya membersihkan agama dari kepalsuan dengan hujah dan dalil yang meyakinkan.
- Perbahasan berhubung zat dan sifat Allah dikupas oleh Ali RA secara terperinci dengan dalil yang kukuh dan meyakinkan. Hasilnya para ulamak Islam kemudiannya meletakkan beberapa dasar dan rukun iman. Selain itu Ali RA mengenengahkan perbahasan berhubung sifat al-Khaliq dan al-Makhluq, konsep keadilan dan kaitannya. Semua ini memberi kesan besar ke atas sikap, personaliti dan penglibatannya dalam urusan pentadbiran negara dan masyarakat.
- Meskipun zaman Ali RA dianggap zaman yang penuh dengan pergolakan politik dan konflik, namun beliau tidak cuba untuk mengambil kesempatan berhubung kepimpinan umat ketika itu. Sebelum itu beliau mengelak dari mengejar pengaruh, pangkat dan kuasa, bahkan memencilkan diri dari kekhalifahan. Sebaliknya beliau menujukkan sikap dan keperihatinannya yang mendalam terhadap bidang keilmuan dalam pelbagai aspek dan disiplin.
- Beliau boleh dianggap sebagai pencatat, perekod dan penyimpan terulung khazanah keilmuan yang baharu sahaja ketika itu ditinggalkan oleh Rasulullah SAW untuk umat Islam. Tindakan beliau semata-mata untuk menyelamatkan Islam dan penganutnya dari pelbagai ancaman baik dari dalam maupun dari luar menerusi bidang keilmuan. Ternyata warisan keilmuan yang ditinggalkan oleh Ali RA amat besar dan bermakna untuk generasi umat Islam semasa dan selepasnya.



OPERASI KETENTERAAN

1

Operasi 'Usyairah

- Berlaku pada akhir bulan Jumadal-Ula tahun kedua Hijrah.
- Ditugaskan meninjau pergerakan tentera musuh.

2

Peperangan Badar Al-Kubra

- Berlaku pada bulan Ramadan tahun kedua Hijrah.
- Terlibat dalam pertarungan satu lawan satu dan berjaya mengalahkan lawannya.

3

Peperangan Uhud

- Terlibat dalam pertarungan lawan pedang dengan Talhah bin Abi Talhah dan berjaya mengalahkannya.
- Mempertahankan Rasulullah SAW dan tidak berundur walaupun dikatakan Rasulullah sudah wafat.
- Menyelamatkan Rasulullah SAW dan merawat luka Baginda.
- Mengejar dan mengekor musuh bagi mengambil tindakan susulan.

4

Operasi Hamra' Al-Asad

- Berlaku pada 15 syawal tahun ketiga Hijrah.
- Ditugaskan untuk membawa bendera tentera Islam.

5

Perang Khaibar

- Terpilih membawa panji.
- Berjaya menewaskan pahlawan Yahudi.
- Ali RA diiktiraf dalam hadis Rasulullah sebagai orang yang mencintai Allah SWT dan RasulNya.

6

Peperangan Bani Quraizah

- Ditugaskan membawa bendera dan berada di barisan hadapan tentera Islam.
- Melaksanakan hukuman yang dijatuhkan kepada Bani Quraizah.

OPERASI KETENTERAAN

7

Peperangan Ahzab

- Menentang musuh di barisan hadapan.
- Terlibat dengan pertarungan satu lawan satu dengan pihak musuh dan berjaya mengalahkannya.

8

Fathu Makkah

- Memberi penyelesaian kepada Abu Sufyan yang melembutkan hatinya untuk menerima Islam.
- Ditugaskan bersama beberapa orang sahabat menyekat perisik yang membocorkan rahsia umat Islam.
- Mengambil tindakan ke atas musuh yang melampau.
- Membetulkan ketelanjuran yang dilakukan Khalid bin al-Walid RA kepada bani Juzaimah.

9

Peperangan Hunain

- Mempertahankan Rasulullah SAW semasa mereka diperangkap oleh musuh.
- Menjatuhkan seorang pahlawan Hawazin dari kudanya lalu mengalahkannya.

10

Serangan Ke Atas Wilayah Toi'

- Menyerang wilayah Toi'.

Tahukah anda bahawa Rasulullah SAW telah mewariskan Pedang Zulfikar kepada anak asuh sekaligus menantunya iaitu Ali RA pada masa Perang Uhud. Dikatakan, berkat pedang ini, kaum Muslim berhasil memenangi pertempuran saat melawan para musuh Islam waktu itu. Selain digunakan dalam Perang Uhud, Pedang Zulfikar juga digunakan Ali RA saat Perang Ahzab. Sejak itu, Pedang Zulfikar selalu dibawa oleh Ali bin Abi Thalib dalam berbagai pertempuran. Bahkan, Ali RA dan Pedang Zulfikar dipercaya menjadi kunci kemenangan kaum Muslimin dalam perang melawan musuh.





"Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan kitab petunjuk yang menyatakan dalamnya akan perkara yang baik dan jahat. Maka, lakukanlah perkara yang baik, tinggalkanlah perkara yang jahat. Allah SWT menetapkan kewajipan yang perlu dilaksanakan bagi memandu kalian ke arah memperoleh ganjaran syurga".

Petikan khutbah Khalifah 'Ali RA semasa pelantikan beliau.

Al-Tabari, Tarikh al-Tabari, jld. 4, ms. 422




JOM
LATIHAN

Pilih jawapan yang betul

1. Berapakah umur Saidina Ali RA ketika memeluk agama Islam?
 - A. 10 tahun
 - B. 12 tahun
 - C. 15 tahun
 - D. 20 tahun
2. Apakah hubungan Saidina Ali RA dengan Rasulullah SAW?
 - A. Menantu dan abang ipar
 - B. Sepupu dan abang ipar
 - C. Sepupu dan menantu
 - D. Mertua dan sahabat
3. Berikut merupakan gelaran untuk Saidina Ali RA **kecuali** :
 - A. Abu Hasan
 - B. Abu Thurab
 - C. Abu Hurairah
 - D. Karamallahu Wajhah
4. Di manakah Saidina Ali RA dilantik menjadi hakim oleh Rasulullah SAW?
 - A. Syam
 - B. Yaman
 - C. Makkah
 - D. Madinah
5. Bilakah tarikh wafat Saidina Ali RA?
 - A. 10 Sya'ban
 - B. 12 Rabiul Awal
 - C. 17 Ramadhan
 - D. 27 Rejab

Lengkapkan biodata Saidina Ali Bin Abi Thalib RA dengan jawapan yang betul



Tandakan (/) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah mengenai Saidina Ali RA

Bil	Pernyataan	(/) atau (X)
1	Pernah menggantikan tempat tidur Rasulullah SAW ketika peristiwa hijrah	
2	Berkahwin dengan puteri Rasulullah SAW bernama Ruqayyah	
3	Merupakan orang pertama daripada kalangan hamba yang memeluk agama Islam	
4	Wafat kerana dibunuh oleh Abdul Rahman Bin Muljam	
5	Sanggup menerima jawatan khalifah dalam keadaan negara huru-hara	

KESIMPULAN

Kelahiran Islam di kota Makkah dan kemunculan kerajaan Islam pertama di Madinah merupakan detik bersejarah kelahiran satu tamadun baru yang telah merubah sejarah dunia. Tamadun ini bukan sahaja telah berjaya merubah corak dan budaya hidup masyarakat Arab Pra-Islam yang bertuankan nafsu dan kejahiliyan kepada cara hidup baharu yang bertunjangkan akhlak dan peradaban tinggi malah ia juga turut merubah geo-politik dunia. Dengan asuhan dan bimbingan Rasulullah SAW dan kemudiannya diteruskan oleh para sahabat RA, penduduk Tanah Arab yang terdiri daripada berbagai bangsa dan keturunan berjaya disatukan dengan ikatan akidah dan ukhuwwah Islamiyah.

Mereka muncul sebagai satu umat yang berakhhlak, berketerampilan dan sedia berkorban demi Islam. Dalam tempoh waktu yang singkat, kuasa besar Rom dan Parsi yang dahulunya memandang rendah terhadap bangsa Arab kini terpaksa tunduk kepada kekuasaan Islam. Oleh itu dari abad ke 7 hingga ke 18 Masihi, dunia telah didominasi dan dicorak oleh tamadun Islam. Dalam jangka masa tersebut khususnya pada abad ke 9 hingga ke 13 Masihi, sejarah telah merakamkan bagaimana tamadun Islam telah melahirkan ramai sarjana ulung dalam berbagai ilmu pengetahuan.

Pada waktu itu kemajuan ilmu sains dan teknologi serta ilmu-ilmu yang lain yang dimiliki oleh dunia Islam tiada dapat ditandingi oleh mana-mana bangsa atau negara. Di setiap ibu kota pemerintahan Islam khususnya Baghdad (di Asia), Cordova (di Eropah) dan Iskandariah (di Afrika), kegiatan keilmuan dan kebudayaan berlaku dengan bersemarak serta disertai segenap lapisan masyarakat. Ramai sarjana dan pelajar dari negara luar khususnya daripada negara-negara Kristian Eropah datang untuk mempelajari serta mendalami berbagai bidang dan cabang ilmu pengetahuan. Di sepanjang sejarah kegemilangan tamadun Islam, para sarjana Muslim dan sarjana non-Muslim yang bernaung di bawah pemerintahan Islam telah berjaya membuat kemajuan dan pencapaian dalam bidang ilmu pengetahuan serta sains dan teknologi. Mereka telah menempa satu sejarah tamadun kemanusiaan yang amat mengagumkan meliputi aspek politik, sosial dan ekonomi.



RUJUKAN

01

MUHAMMAD HUSSEIN HAYKAL. CETAKAN KEDUA 2006. SEJARAH KEHIDUPAN NABI MUHAMMAD S.A.W. BATU CAVES. CRESCENT NEWS (K.L.) SDN.BHD.

02

SYEIKH MUHAMMAD AL-KHUDHARI BIK. CETAKAN KEDUA 1998. KITAB SIRAH RASULULLAH S.A.W. JALAN PANTAI BARU. PUSTAKA SALAM SDN.BHD.

03

ABDURRAHMAN 'AZAM. 2004. KEAGUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W KEPAHLAWANAN DAN KEINDAHAN AHKLAK RASULULLAH. BATU CAVES. CRESCENT NEWS (K.L.) SDN. BHD.

04

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG. 2020. FIQH SIASAH KHULAFĀ' AL-RASYIDIN: KHALIFAH ABU BAKAR RA. KUALA LUMPUR.PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN.BHD

05

UMAR HAFIZ. 2011. 4 PEMIMPIN AJAIB, KHULAFĀ' AR RASYIDDIN. BATU CAVES,SELANGOR. PUSTAKA AL-EHSAN.SDN.BHD.

06

HAJI MOHD. RASHAD SHAMSUDDIN M.D, KHULAFĀ' RASYIDUN & DAULAH ISLAMIAH. AL-HIDAYAH PUBLISHERS KUALA LUMPUR

07

HUSAIN AHMAD AMIN: PENTERJEMAH : BAKHARUDDIN FANNANI. 1997. 100 TOKOH DALAM SEJARAH ISLAM.KUALA LUMPUR. PUSTAKA ANTARA SDN.BHD.

08

TARIKUDDIN BIN HAJI HASSAN.2014. SEJARAH EMPAT KHALIFAH.JOHOR BAHRU.PERNIAGAAN JAHABERSA

09

SHAIKH SOFIY AL RAHMAN AL-MUBARAKFURI. 2005. SIRAH RASULULLAH S.A.W.BATU CAVES. CRESCENT NEWS (K.L.) SDN. BHD.

RUJUKAN

10

SUMBANGAN ALI BIN ALI TALIB RA DALAM BIDANG ULUM AL-NAQLIYYAH, ABDULLAH YUSOF, JURNAL AL-TAMADDUN, BIL 2 (DISEMBER/JANUARI 2007) 113-137

11

MAHAYUUDIN HJ YAHAYA, TAMADUN ISLAM, PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD. EDISI SEMAKAN, 2005

12

TN. GURU HAJI ABDUL HADI AWANG, FIQH SIASAH KHULAFĀ' AL-RASYIDIN: KHALIFAH 'ALI RA, PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN. BHD. 2022

13

TN. GURU HAJI ABDUL HADI AWANG, FIQH SIASAH KHULAFĀ' AL-RASYIDIN: KHALIFAH 'UTHMAN RA, PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN. BHD. 2022

14

[HTTPS://MUFTIWP.GOV.MY/ARTIKEL/AL-KAFI-LI-AL-FATAWI/3702-AL-KAFI-1375-SEJARAH-PERMULAAN-BINAAN-MASJID-NABI-SAW](https://MUFTIWP.GOV.MY/ARTIKEL/AL-KAFI-LI-AL-FATAWI/3702-AL-KAFI-1375-SEJARAH-PERMULAAN-BINAAN-MASJID-NABI-SAW)

15

[HTTPS://MUFTIWP.GOV.MY/IMAGES/PDF/ARTIKEL/BAYAN-LINNAS/7-MAULID%20AL-RASUL%20%3B%20MESEJ%20KESATUAN%20UMMAH.PDF](https://MUFTIWP.GOV.MY/IMAGES/PDF/ARTIKEL/BAYAN-LINNAS/7-MAULID%20AL-RASUL%20%3B%20MESEJ%20KESATUAN%20UMMAH.PDF)

16

[HTTPS://WWW.SUNAHSUKASAKURA.COM/2010/04/TEKNOLOGI-SENJATA-DAN-PEPERANGAN.HTML](https://WWW.SUNAHSUKASAKURA.COM/2010/04/TEKNOLOGI-SENJATA-DAN-PEPERANGAN.HTML)

17

MOHD NAZRI AHMAD. KONSEP KEHAKIMAN DALAM ISLAM. JURNAL USULUDDIN, BIL 14 (2001)87-96


18

[HTTPS://ALBILADPEKALONGAN.COM/ARTICLES/SEJARAH-PERLUASAN-MASJID-NABAWI-AS-SYARIF](https://ALBILADPEKALONGAN.COM/ARTICLES/SEJARAH-PERLUASAN-MASJID-NABAWI-AS-SYARIF)



**"Akan Kami tunjukkan kepada mereka
bukti-bukti kebenaran Kami di ufuk
(penjuru) alam dan pada diri mereka
sendiri sehingga jelas kepada mereka
bahawa al-Quran itu benar"**

- Surah Al-Fussilat : ayat 53 -





e ISBN 978-967-2740-56-8

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-2740-56-8. The barcode is black and white, with vertical bars of varying widths.

9 789672 740568